



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI DALAM TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 501

AKTA BEKALAN GAS 1993

Sebagaimana pada 1 Julai 2017

AKTA BEKALAN GAS 1993

Tarikh Perkenan Diraja 22 Januari 1993

Tarikh penyiaran dalam *Warta...* 4 Februari 1993

Kali terakhir dipinda melalui
Akta A1515 yang mula
berkuat kuasa pada 16 Januari 2017

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 2015

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 501****AKTA BEKALAN GAS 1993**

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I**PERMULAAN**

Seksyen

1. Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
- 1A. Pemakaian bagi Negeri Sarawak
2. Tafsiran

BAHAGIAN II**PERJAWATAN**

3. (*Dipotong*)

BAHAGIAN III**FUNGSI DAN TUGAS SURUHANJAYA**

4. Fungsi dan tugas

BAHAGIAN IV**KUASA UNTUK MASUK, MENYIASAT DAN MENDAKWA**

- 4A. Pegawai diberi kuasa

Seksyen

5. Kuasa untuk masuk dengan waran atau selainnya, memeriksa, meneliti, menyita, dsb.
6. Kuasa untuk menyiasat
7. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes
8. Pemeriksaan orang yang mengetahui tentang kes
9. Pendakwaan
10. Hadiah untuk maklumat

BAHAGIAN V**LESEN**

11. Aktiviti untuk dilesenkan
- 11A. Permohonan bagi pemberian lesen
- 11B. Pemberian lesen
- 11C. Kuasa untuk mengenakan terma atau syarat tambahan
12. Cagaran, penggantungan atau pembatalan lesen

BAHAGIAN VI**PERUNTUKAN BERHUBUNGAN DENGAN PEMEGANG LESEN,
PEMBEKALAN GAS, KEMASUKAN KE TANAH, DLL.**

13. Kuasa untuk menetapkan tariff dan caj
- 13A. Obligasi untuk mengemukakan pelan perniagaan
- 13B. Standard prestasi pembekalan gas dan perkhidmatan oleh pemegang lesen
- 13C. Akaun berasingan bagi aktiviti di bawah lesen
- 13D. Kehendak bagi pelesenan
14. Tugas pemegang lesen peruncitan untuk membekalkan gas kepada pengguna apabila diminta atau tugas pemegang lesen penggasan semula, pengangkutan atau pengagihan untuk membenarkan penggunaan kemudahan mereka oleh pihak ketiga

Seksyen

15. Kekecualian kepada kewajipan supaya membekalkan gas atau untuk membenarkan penggunaan kemudahan
16. Kuasa untuk mendapatkan kembali perbelanjaan
17. Kuasa pemegang lesen untuk menghendaki cagaran
- 17A. Pemulangan cagaran dengan faedah
18. (*Dipotong*)
19. Caj bagi penggasan semula, pengangkutan, pengagihan atau peruncitan gas hendaklah ditentukan melalui meter yang sesuai
20. Pengurangan atau penghentian peruncitan gas: liabiliti
21. Pemberhentian penghantaran atau pembekalan gas
22. Liabiliti tidak terjejas
23. Kuasa untuk memasuki dan meneliti tanah bukan milik kerajaan
24. Kuasa untuk memasuki tanah bukan milik kerajaan bagi maksud pembinaan
25. Penyenggaraan, pembaikan dan peningkatan talian paip atau sistem perpaipan
26. Pengalihan atau pengubahan talian paip atau sistem perpaipan
27. Perjanjian izin lalu
28. Pampasan

BAHAGIAN VIIA

AMALAN AM PERSAINGAN

Bab 1

Tafsiran dan pemakaian

- 28A. Tafsiran
- 28B. Pemakaian Bahagian VIIA

Bab 2

Perjanjian antipersaingan

- 28C. Perjanjian yang dilarang
- 28D. Pelepasan liabiliti

Seksyen

28E. Pengecualian individu

28F. Pengecualian blok

Bab 3

Penyalahgunaan kedudukan dominan

28G. Penyalahgunaan kedudukan dominan

28H. Suruhanjaya boleh mengeluarkan arahan kepada seseorang, termasuklah pemegang lesen, yang berada pada kedudukan dominan

Bab 4

Kajian semula pasaran

28I. Kuasa untuk menjalankan kajian semula pasaran

Bab 5

Keputusan oleh Suruhanjaya

28J. Langkah interim

28K. Keputusan yang dicadangkan oleh Suruhanjaya

28L. Representasi lisan

28M. Penjalanan pendengaran

28N. Keputusan Suruhanjaya

28O. Rejim kelonggaran

28P. Penguatkuasaan arahan atau keputusan Suruhanjaya

28Q. Kuasa untuk menerima aku janji

Bab 6

Tribunal Rayuan Persaingan Gas

28R. Penubuhan dan keanggotaan Tribunal Rayuan Persaingan Gas

28S. Elaun

Seksyen

- 28T. Peletakan jawatan dan pembatalan pelantikan
- 28U. Pengosongan jawatan dan pelantikan baharu atau sementara
- 28V. Penzahiran kepentingan
- 28W. Setiausaha Tribunal Rayuan Persaingan Gas dan pegawai lain
- 28X. Rayuan kepada Tribunal Rayuan Persaingan Gas
- 28Y. Rekod keputusan Suruhanjaya
- 28Z. Penggantungan keputusan sementara menunggu rayuan
- 28AA. Komposisi dan persidangan Tribunal Rayuan Persaingan Gas
- 28AB. Tatacara dan kuasa Tribunal Rayuan Persaingan Gas
- 28AC. Keputusan Tribunal Rayuan Persaingan Gas
- 28AD. Penguatkuasaan keputusan Tribunal Rayuan Persaingan Gas

Bab 7

Am

- 28AE. Hak tindakan persendirian
- 28AF. Peraturan-peraturan berkaitan dengan perkara persaingan di bawah Bahagian VIa yang dibuat oleh Menteri

BAHAGIAN VII

SIASATAN

- 29. Prosedur semasa siasatan

BAHAGIAN VIII

KESALAHAN DAN PENALTI

- 30. Kesalahan
- 30A. Pemberian maklumat
- 30B. Ancaman dan tindakan balas
- 30C. Kerahsiaan
- 30D. Perintah pembayaran kos pendakwaan dan pampasan

Seksyen

- 30E. Peruntukan mengenai wang yang boleh dibayar sebagai kos atau pampasan
31. Penalti am
32. Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan: pegawai disifatkan bersalah
33. Beban pembuktian
34. Pengkompaunan

BAHAGIAN IX**AM**

35. Orang kompeten
36. Kemalangan serius hendaklah dilaporkan
37. Perlindungan Suruhanjaya dan pegawai diberi kuasa
38. Kuasa khas semasa darurat

BAHAGIAN X**KUASA UNTUK MEMBUAT PERATURAN**

39. Kuasa untuk membuat peraturan

BAHAGIAN XI**PELBAGAI**

40. Seksyen tertentu Akta tidak terpakai bagi kilang
41. Peruntukan yang bertentangan
42. Pengecualian
43. Peruntukan peralihan dan kecualian

JADUAL PERTAMA**JADUAL KEDUA****JADUAL KETIGA**

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 501

AKTA BEKALAN GAS 1993

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan pelesenan bagi pengimportan ke terminal penggasan semula, penggasan semula, pengiriman, pengangkutan, pengagihan, peruncitan atau penggunaan gas dalam pembekalan gas melalui talian paip dan perkara yang berkaitan, pembekalan gas pada harga yang munasabah, kawalan talian paip, pepasangan dan perkakas bekalan gas mengenai perkara yang berhubungan dengan keselamatan orang dalam pengagihan, peruncitan atau penggunaan gas dan bagi maksud yang berkaitan dengannya.

[17 Julai 1997, P.U. (B) 278/1997]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bekalan Gas 1993 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(2) Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia; bagaimanapun Menteri boleh melalui perintah menggantung kuat kuasa keseluruhan atau mana-mana peruntukan Akta ini di mana-mana Negeri.

(3) Akta ini hendaklah terpakai bagi penghantaran gas—

(a) berhubung dengan—

- (i) gas asli cecair, dari bebibir sambungan lengan pemunggahan di terminal penggasan semula;
- (ii) gas asli yang diterima dari loji pemprosesan gas atau terminal gas daratan, dari bebibir penghujung loji pemprosesan gas atau terminal gas daratan;
- (iii) gas asli yang diimport ke Malaysia melalui talian paip tidak termasuk talian paip huluan loji pemprosesan gas atau terminal gas daratan, dari sempadan antarabangsa,

ke talian paip penghantaran atau pengagihan, atau sistem perpaipan dan ke mana-mana perkakas gas di dalam premis pengguna; dan

(b) dari sambungan pengisian tangki atau silinder penstoran yang digunakan khusus bagi penyeliratan atau penghantaran gas ke mana-mana perkakas gas di dalam premis pengguna.

(3A) Akta ini hendaklah terpakai bagi, berkenaan dengan perkara keselamatan dan teknikal, penghantaran gas kepada pengguna—

(a) dari talian paip pengagihan atau sistem perpaipan ke mana-mana perkakas gas di dalam premis pengguna; atau

(b) dari sambungan pengisian tangki atau silinder penstoran yang digunakan khusus bagi penyeliratan atau penghantaran gas ke mana-mana perkakas gas di dalam premis pengguna.

(4) (*Dipotong oleh Akta A1515*).

***Pemakaian bagi Negeri Sarawak**

1A. Walau apa pun subseksyen 1(2), Akta ini terpakai bagi Negeri Sarawak, setelah mendapat kelulusan Yang di-Pertua Negeri Sarawak terlebih dahulu, pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“akses pihak ketiga” erti akses ke terminal penggasan semula, talian paip penghantaran dan talian paip pengagihan oleh seseorang selain pemunya atau pengendali kemudahan itu bagi maksud penghantaran gas kepada pengguna;

“bahaya” erti bahaya kepada kesihatan atau kepada nyawa atau anggota badan manusia tanpa renjatan, luka terbakar, atau kecederaan lain dan termasuklah bahaya kepada harta, talian paip atau pepasangan akibat daripada pengagihan, peruncitan atau penggunaan gas;

“dengan curang” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Kanun Keseksaan [Akta 574];

“ditetapkan” erti ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“gas” erti gas asli, gas asli cecair atau gas petroleum cecair;

“gas asli” erti campuran gas hidrokarbon yang terdiri terutamanya daripada metana;

* *CATATAN*—lihat subseksyen 4A(2) Akta Bekalan Gas (Pindaan) 2016 [Akta A1515].

“gas asli cecair” ertinya gas asli dalam keadaan cecair;

“gas petroleum cecair” ertinya campuran gas hidrokarbon terutamanya propana dan butana dalam pelbagai kadar dan disimpan dalam bentuk cecair;

“kawasan bekalan” ertinya kawasan yang di dalamnya seseorang dilesenkan untuk menggaskan semula, mengirim, mengangkut, mengagih, meruncit atau menggunakan gas;

“kelengkapan” termasuklah injap, penapis, meter, pengatur tekanan atau apa-apa item berfungsi lain yang digunakan dalam sistem gas;

“kemudahan” ertinya—

- (a) dalam hal pemegang lesen penggasan semula, sesuatu kemudahan termasuk talian paip dan pepasangan yang berkaitan yang terletak di daratan atau di perairan wilayah Malaysia yang digunakan untuk menerima, menyimpan atau menggaskan semula gas asli cecair yang ditetapkan sedemikian oleh pemegang lesen penggasan semula dengan kelulusan Suruhanjaya;
- (b) dalam hal pemegang lesen pengangkutan, talian paip penghantaran bersama dengan pepasangan yang berkaitan yang digunakan untuk pengangkutan gas yang ditetapkan sedemikian oleh pemegang lesen pengangkutan dengan kelulusan Suruhanjaya;
- (c) dalam hal pemegang lesen pengagihan, talian paip pengagihan bersama dengan pepasangan yang berkaitan yang digunakan untuk pengagihan gas dari bebibir penghujung stesen pintu kota dan yang ditetapkan sedemikian oleh pemegang lesen pengagihan dengan kelulusan Suruhanjaya;

“keselamatan” ertinya penghindaran bahaya kepada orang awam atau kepada harta berkenaan dengan talian paip pengagihan atau sistem perpaipan;

“Ketua Pegawai Eksekutif” ertinya Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya;

“larangan” ertinya apa-apa larangan di bawah Bahagian VIA Akta ini;

“lesen” ertinya lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 11;

“loji pemprosesan gas” ertinya suatu kemudahan untuk memproses gas asli bagi memenuhi spesifikasi gas yang akan digunakan dalam atau dihantar melalui sistem penghantaran gas;

“Menteri” ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi perkara yang berhubungan dengan petroleum;

“orang kompeten” ertinya orang yang memegang suatu perakuan kekompetenan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya atau apa-apa perakuan setara lain yang dikeluarkan oleh mana-mana badan kerajaan untuk melaksanakan kerja mengikut sekatan-sekatan, jika ada, yang dinyatakan dalam perakuan itu;

*“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai awam atau pegawai Suruhanjaya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Menteri bagi maksud Akta ini;

“pelanggaran” ertinya suatu pelanggaran terhadap mana-mana larangan di bawah seksyen 28C atau 28G;

“pembawa gas asli cecair” ertinya kapal tangki yang direka untuk mengangkut gas asli cecair;

“pembekalan gas” ertinya penghantaran gas ke premis pengguna pemegang lesen peruncitan;

*CATATAN— lihat seksyen 27 Akta Bekalan Gas (Pindaan) 2001 [Akta A1126].

“pemegang lesen” ertinya orang yang dilesenkan di bawah seksyen 11;

“pemegang lesen gas persendirian” ertinya seseorang yang dilesenkan di bawah seksyen 11 untuk menggunakan gas melalui sistem perpaipan—

(a) dari tangki atau silinder penstoran di atas harta atau premisnya sendiri atau di atas harta atau premis pemunya atau penghuni; atau

(b) dari gas yang dihantar melalui talian paip pengagihan,

tetapi tidak termasuk seseorang yang mendapat bekalan gas daripada pemegang lesen peruncitan;

“pemegang lesen pengagihan” ertinya seseorang yang dilesenkan di bawah seksyen 11 untuk mengagihkan gas;

“pemegang lesen pengangkutan” ertinya seseorang yang dilesenkan di bawah seksyen 11 untuk mengangkut gas;

“pemegang lesen penggasan semula” ertinya seseorang yang dilesenkan di bawah seksyen 11 untuk menggaskan semula gas;

“pemegang lesen pengimportan ke terminal penggasan semula” ertinya seseorang yang dilesenkan di bawah seksyen 11 untuk mengimport gas ke terminal penggasan semula;

“pemegang lesen pengiriman” ertinya seseorang yang dilesenkan di bawah seksyen 11 untuk mengirim gas;

“pemegang lesen peruncitan” ertinya seseorang yang dilesenkan di bawah seksyen 11 untuk meruncit gas;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Ordinan Tanah Sabah [*Sabah Bab 68*] atau Kanun Tanah Sarawak [*Sarawak Bab 81*], mengikut mana-mana yang berkenaan;

“pengagihan” ertinya aktiviti yang dijalankan oleh pemegang lesen pengagihan untuk mengendali dan menyenggara talian paip pengagihan bagi menghantar gas melalui talian paip pengagihan;

“pengangkutan” ertinya aktiviti yang dijalankan oleh pemegang lesen pengangkutan bagi penghantaran gas melalui talian paip penghantaran di bawah suatu perkiraan dengan pemegang lesen pengiriman;

“penggasan semula” ertinya aktiviti mengendali dan menyenggara terminal penggasan semula untuk menggaskan semula gas asli cecair kepada gas asli yang dijalankan oleh pemegang lesen penggasan semula di terminal penggasan semula dan termasuklah menerima, menyimpan dan selepas penggasan semula, menghantar gas itu melalui talian paip terminal penggasan semula;

*“Pengerusi” ertinya Pengerusi Suruhanjaya Tenaga yang dilantik oleh Menteri di bawah Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 [Akta 610];

“pengguna” ertinya mana-mana pengguna langsung atau tidak langsung gas, kemudahan atau perkhidmatan yang disediakan oleh seseorang pemegang lesen dalam penjalanan perniagaan, dan termasuklah pemegang lesen lain yang menggunakan gas, kemudahan atau perkhidmatan yang disediakan itu sebagai input kepada perniagaannya sendiri termasuklah sebagai pemegang lesen pengiriman, peruncitan atau gas persendirian, seseorang pengguna yang premisnya menerima gas melalui talian paip penghantaran atau pengagihan atau seseorang pengguna pemegang lesen peruncitan;

“penggunaan gas” ertinya aktiviti menggunakan gas sebagai pemegang lesen gas persendirian;

“pengimportan ke terminal penggasan semula” ertinya aktiviti membawa atau menyebabkan supaya dibawa gas asli cecair ke dalam

*CATATAN— lihat seksyen 27 Akta Bekalan Gas (Pindaan) 2001 [Akta A1126].

atau di dalam Malaysia dengan apa-apa cara selain melalui pindah kapal;

“pengiriman” ertinya aktiviti pemegang lesen pengiriman yang membuat suatu perkiraan dengan pemegang lesen penggasan semula, pengangkutan atau pengagihan untuk memproses dan menghantar gas melalui terminal penggasan semula, talian paip penghantaran atau talian paip pengagihan ke premis pengguna;

“Pentadbir Tanah Daerah” mempunyai erti yang diberikan kepada “Pentadbir Tanah” oleh seksyen 5 Kanun Tanah Negara, kepada “Pemungut” oleh seksyen 4 Ordinan Tanah Sabah dan kepada “Pengarah” oleh seksyen 2 Kanun Tanah Sarawak;

“pepasangan” ertinya semua bahagian kemudahan fizikal yang terlibat dalam penggasan semula, pengangkutan, pengagihan, peruncitan atau penggunaan gas termasuk kelengkapan, perkakas, pam, pengewap, pemampat, apa-apa perlengkapan yang dipasang pada talian paip atau sistem perpaipan dan apa-apa pemasangan lain;

“perkakas gas” ertinya perkakas yang direka bentuk bagi penggunaan atau untuk digunakan oleh pengguna gas bagi pemanasan, pembakaran, kuasa penggerak atau maksud lain yang baginya gas boleh digunakan dan termasuklah pengatur perkakas gas;

“peruncitan” ertinya aktiviti penjualan atau penggunaan gas melalui sistem perpaipan pemegang lesen peruncitan ke premis pengguna yang mana gas sama ada—

- (a) diterima dari suatu tangki atau silinder penstoran di atas harta atau premis pemegang lesen peruncitan itu sendiri atau di atas harta atau premis pemunya atau penghuni; atau
- (b) diterima melalui talian paip pengagihan;

“pindah kapal”, berhubung dengan gas asli cecair, ertinya untuk membawa atau menyebabkan supaya dibawa atau disimpan gas asli cecair di terminal penggasan semula di Malaysia melalui apa-apa cara semata-mata bagi maksud membawa ia keluar dari Malaysia melalui apa-apa cara kecuali melalui talian paip;

“sistem penghantaran gas” ertinya penghantaran gas secara fizikal dari bebibir sambungan lengan pemunggahan di terminal penggasan semula atau bebibir penghujung loji pemprosesan gas atau bebibir penghujung terminal gas daratan ke talian paip penghantaran, talian paip pengagihan dan sistem perpaipan;

“sistem perpaipan” ertinya semua bahagian kemudahan fizikal termasuk pepasangan, yang melaluinya gas bergerak, dari bebibir penghujung stesen pengatur atau pemeteran yang bersambung ke talian paip pengagihan atau dari sambungan pengisian tangki atau silinder penstoran bagi maksud penyeliratan atau penghantaran berkenaan dengan peruncitan atau penggunaan gas melalui sistem perpaipan ke apa-apa perkakas gas di dalam mana-mana premis;

*“Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Tenaga yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Tenaga 2001;

“stesen pintu kota” ertinya suatu stesen yang mempunyai peranti pengukuran dan pengaturan tekanan gas yang mana gas diterima terus daripada talian paip penghantaran dan kemudiannya dihantar melalui talian paip pengagihan bagi penghantaran gas kepada pengguna;

“talian paip” ertinya semua bahagian kemudahan fizikal termasuk pepasangan, yang melaluinya gas bergerak bagi maksud penggasan semula, pengangkutan atau pengagihan gas;

“talian paip pengagihan” ertinya bahagian talian paip gas termasuk pepasangan yang bersambung di hiliran bebibir penghujung stesen pintu kota hingga ke bebibir penghujung stesen pengatur atau pemeteran di premis pengguna atau pemegang lesen peruncitan;

“talian paip penghantaran” termasuklah pepasangan dan talian paip yang mengangkut gas sama ada dari—

(a) bebibir penghujung loji pemprosesan gas;

* CATATAN— lihat seksyen 27 Akta Bekalan Gas (Pindaan) 2001 [Akta A1126].

- (b) bebibir penghujung terminal gas daratan;
- (c) titik sambungan terminal penggasan semula; atau
- (d) sempadan antarabangsa,

ke bebibir penghujung stesen pintu kota atau bebibir penghujung stesen pengatur atau pemeteran;

“tanah Kerajaan” tidak termasuk tanah rizab dan tanah beri milik;

“tanah rizab” ertinya tanah yang dirizabkan bagi suatu maksud awam, rizab keretapi dan hutan simpan;

“terminal gas daratan” ertinya kemudahan untuk menerima gas asli dari luar pesisir pantai dan dihantar ke talian paip penghantaran; dan

“terminal penggasan semula” ertinya kemudahan yang terletak di daratan atau di perairan Malaysia yang digunakan untuk menggaskan semula atau menyimpan gas asli cecair yang diterima daripada pembawa gas asli cecair.

BAHAGIAN II

PERJAWATAN

3. (Dipotong oleh Akta A1126).

BAHAGIAN III

FUNGSI DAN TUGAS SURUHANJAYA

Fungsi dan tugas

4. (1) Suruhanjaya hendaklah mempunyai fungsi dan tugas seperti yang berikut:

- (a) untuk memastikan bahawa pemegang lesen yang diberi kuasa oleh atau di bawah Akta ini mengimport ke terminal penggasan semula, mengirim atau meruncit gas melalui talian paip memenuhi segala permintaan yang munasabah bagi gas;
- (b) untuk memastikan bahawa pemegang lesen penggasan semula, pengangkutan atau pengagihan memenuhi kesemua permintaan yang munasabah untuk akses ke kemudahan;
- (c) tanpa menjaskan keluasan perenggan (a) dan (b), untuk memastikan bahawa pemegang lesen dapat membayai pengimportan ke terminal penggasan semula, pengiriman atau peruncitan atau pemberian perkhidmatan kemudahan penggasan semula, pengangkutan atau pengagihan gas itu;
- (d) untuk melindungi kepentingan pengguna gas yang dibekalkan melalui talian paip berkenaan dengan—
 - (i) terma pembekalan dan penggunaan kemudahan;
 - (ii) keberterusan bekalan; dan
 - (iii) kualiti gas, kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan;
- (e) untuk membangun dan mengeluarkan kod, garis panduan dan arahan berkenaan dengan perkara-perkara sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta ini;
- (f) untuk mengawal selia kualiti gas yang dihantar dalam sistem penghantaran gas dan tekanan gas yang dihantar melalui talian paip pengagihan atau sistem perpaipan;
- (g) untuk meningkatkan kecekapan dan ekonomi pemegang lesen atau orang lain untuk mengimport ke terminal penggasan semula, menggunakan terminal penggasan semula, menggaskan semula, mengirim, mengangkut, mengagih, meruncit atau untuk menggunakan gas;

- (h) untuk memastikan bahawa orang awam dilindungi daripada bahaya yang timbul daripada pengagihan, peruncitan atau penggunaan gas;
- (i) untuk membolehkan pemegang lesen atau orang lain bersaing secara efektif dalam pengimportan ke terminal penggasan semula, penggunaan terminal penggasan semula, pengiriman atau peruncitan gas;
- (j) untuk menyiasat apa-apa kemalangan atau kebakaran yang melibatkan mana-mana talian paip pengagihan atau sistem perpaipan;
- (k) untuk memeriksa atau menyebabkan supaya diperiksa apa-apa pepasangan, talian paip atau sistem perpaipan;
- (l) untuk menjalankan atau menyebabkan supaya dijalankan audit ke atas pemegang lesen, institusi, pengilang atau pengimport, kontraktor gas atau mana-mana orang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya; dan
- (m) untuk menjalankan segala aktiviti lain sebagaimana yang didapati oleh Suruhanjaya adalah perlu, berfaedah atau sesuai bagi maksud menguatkuaskan peruntukan Akta ini.

(2) Fungsi dan tugas Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa dijalankan oleh mana-mana pegawai Suruhanjaya yang dilantik dengan sewajarnya secara bertulis oleh Suruhanjaya bagi maksud sedemikian.

BAHAGIAN IV

KUASA UNTUK MASUK, MENYIASAT DAN MENDAKWA

Pegawai diberi kuasa

4A. (1) Menteri boleh secara bertulis memberi kuasa kepada mana-mana pegawai awam atau pegawai Suruhanjaya untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana pegawai itu hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574].

(3) Dalam menjalankan mana-mana kuasa penguatkuasaan di bawah Akta ini, seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah, apabila diminta, menunjukkan kepada orang yang terhadapnya kuasa itu sedang dijalankan, kuasa yang dikeluarkan kepadanya oleh Menteri.

Kuasa untuk masuk dengan waran atau selainnya, memeriksa, meneliti, menyita, dsb.

5. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh, bagi maksud menunaikan mana-mana tugasnya atau menjalankan mana-mana fungsinya di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, masuk pada bila-bila masa yang munasabah ke mana-mana tanah, rumah atau bangunan untuk memeriksa dan meneliti mana-mana talian paip atau sistem perpaipan atau bahagiannya atau apa-apa sebab yang sepatutnya yang lain termasuklah penyiasatan apa-apa pelanggaran atau kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Dalam menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1) seseorang pegawai diberi kuasa boleh—

- (a) mengambil sampel apa-apa gas dari premis yang dimasuki dan menghendaki penghuninya atau ejen atau pekhidmat penghuni itu yang ada di premis itu supaya menunjukkan kepadanya tiap-tiap tempat dan mana-mana talian paip, sistem perpaipan, tangki atau silinder pestoran di premisnya;
- (b) menguji atau menyebabkan diuji, di mana-mana tempat yang sesuai dan pada bila-bila masa yang munasabah yang ditetapkannya, apa-apa sampel yang diperolehnya sedemikian.

(3) Jika dalam pemeriksaan atau penelitian itu pegawai diberi kuasa itu mendapati apa-apa kecacatan yang dia ada sebab yang munasabah untuk percaya mungkin mendatangkan bahaya, dia boleh—

- (a) dengan notis bertulis, menghendaki diperbetulkan kecacatan itu;
- (b) menyebabkan bekalan gas itu dihentikan; atau
- (c) mengalihkan atau mengelak mana-mana talian paip, sistem perpaipan atau bahagiannya.

(4) Dalam tiap-tiap hal apabila maklumat diberikan dengan bersumpah kepada mana-mana Majistret bahawa ada sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa di dalam mana-mana tanah, rumah atau bangunan terdapat apa-apa artikel, benda, buku, dokumen, talian paip, sistem perpaipan atau bahagiannya yang telah digunakan atau dicadangkan hendak digunakan untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, dia hendaklah mengeluarkan suatu waran di bawah tandatangannya yang menurut kuasanya mana-mana pegawai diberi kuasa yang dinamakan atau disebut dalam waran itu boleh memasuki tanah, rumah atau bangunan itu pada bila-bila masa yang munasabah pada waktu siang atau malam, dan mencari dan menyita atau mengelak mana-mana artikel, benda, buku, dokumen, talian paip, sistem perpaipan atau bahagiannya itu:

Dengan syarat bahawa jika pegawai diberi kuasa itu berpuas hati berdasarkan maklumat yang diterima bahawa dia mempunyai alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan dalam mendapatkan waran geledah apa-apa artikel, benda, buku, dokumen, talian paip, sistem perpaipan atau bahagiannya yang digunakan untuk melakukan atau yang dicadangkan hendak digunakan untuk melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya mungkin akan dialihkan atau dimusnahkan, dia boleh memasuki tanah, rumah atau bangunan itu tanpa waran dan menyita atau mengelak mana-mana artikel, benda,

buku, dokumen, talian paip, sistem perpaipan atau bahagiannya itu dari tanah, rumah atau bangunan itu:

Dengan syarat selanjutnya bawah adalah menjadi kesalahan jika mana-mana orang, tanpa kebenaran yang sah, memecahkan, menganggu atau merosakkan lak itu atau mengalihkan mana-mana artikel, benda, buku, dokumen, talian paip, sistem perpaipan atau bahagiannya itu atau cuba berbuat demikian.

(5) Mana-mana pegawai diberi kuasa boleh, dalam menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (4), jika perlu untuk berbuat demikian—

- (a) memecahkan mana-mana pintu luar atau dalam rumah kediaman atau mana-mana premis lain dan memasukinya;
- (b) dengan menggunakan kekerasan memasuki tempat itu dan tiap-tiap bahagiannya;
- (c) dengan menggunakan kekerasan mengalihkan apa-apa halangan kepada kemasukan, penggeledahan, penyitaan dan pengalihan yang dia diberi kuasa untuk melaksanakannya; dan
- (d) menahan tiap-tiap orang yang dijumpai di tempat itu sehingga tempat itu telah digeledah.

(6) Pegawai diberi kuasa yang menyita apa-apa artikel, benda, buku, dokumen, talian paip, sistem perpaipan atau bahagiannya di bawah subseksyen (4) hendaklah menyediakan suatu senarai benda yang disita dan dengan serta-merta, atau dengan seberapa segera yang praktik, menyerahkan satu salinan yang ditandatangani olehnya kepada penghuni, atau ejen atau pekhidmat penghuni itu yang berada di premis itu, dan jika premis itu tidak dihuni, pegawai diberi kuasa itu hendaklah, di mana-mana mungkin, menampalkan suatu senarai benda yang disita itu di premis itu.

(7) Seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah pada setiap masa membawa suatu kad pengenalan atau lencana rasmi dalam apa-apa bentuk yang ditetapkan, dan tiada seorang pun boleh diwajibkan supaya membenarkan masuk mana-mana orang yang berupa sebagai seorang pegawai diberi kuasa ke tanah, rumah atau bangunannya kecuali apabila kad pengenalan atau lencana itu dikemukakan.

Kuasa untuk menyiasat

6. (1) Pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk menjalankan penyiasatan apabila adanya sebab untuk mengesyaki bahawa suatu kesalahan atau pelanggaran terhadap mana-mana larangan telah atau sedang dilakukan berhubung dengan Akta ini atau di bawah mana-mana perundangan subsidiarinya atau mana-mana kod, garis panduan atau arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

(2) Pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis dengan apa jua pangkat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] berhubung dengan penyiasatan polis, dan kuasa itu hendaklah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan bukanlah pengurangan baginya.

(3) Dalam hal suatu kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana perundangan subsidiarinya atau mana-mana kod, garis panduan atau arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya, apabila selesai penyiasatannya, pegawai diberi kuasa hendaklah dengan serta-merta memberi kesemua maklumat yang berhubungan dengan pelakuan kesalahan itu kepada pegawai penjaga suatu balai polis dan seseorang pegawai polis boleh, menangkap mana-mana orang yang mungkin telah melakukan suatu kesalahan.

(4) Dalam hal suatu pelanggaran terhadap mana-mana larangan di bawah Akta ini, apabila selesai penyiasatannya, pegawai diberi kuasa hendaklah dengan serta-merta memberi kesemua maklumat yang berhubungan dengan pelanggaran mana-mana larangan itu kepada Suruhanjaya bagi maksud seksyen 28L dan 28O.

Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes

7. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa yang membuat sesuatu penyiasatan di bawah seksyen 6 boleh melalui perintah secara bertulis menghendaki mana-mana orang yang kelihatan pada pegawai diberi kuasa itu mengetahui hal keadaan kes itu supaya hadir di hadapannya, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian.

(2) Dalam hal suatu kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini, jika mana-mana orang itu tidak hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian, pegawai diberi kuasa itu boleh melaporkan ketidakhadiran itu kepada seorang Majistret yang hendaklah mengeluarkan saman untuk memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah yang disebut terdahulu itu.

(3) Dalam hal suatu pelanggaran terhadap mana-mana larangan di bawah Akta ini, jika mana-mana orang itu gagal untuk hadir sebagaimana yang dikehendaki, pegawai diberi kuasa itu boleh melaporkan kegagalan itu kepada Suruhanjaya untuk tindakan selanjutnya di bawah seksyen 28L dan 28O.

Pemeriksaan orang yang mengetahui tentang kes

8. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa yang membuat penyiasatan di bawah seksyen 6 oleh mendapatkan maklumat daripada mana-mana orang yang dijangkakan mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu.

(2) Orang itu adalah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab segala soalan yang berhubungan dengan kes itu yang diajukan kepadanya oleh pegawai diberi kuasa itu:

Dengan syarat bahawa orang itu boleh enggan menjawab mana-mana soalan yang jawapannya akan cenderung ke arah mendedahkannya kepada suatu pertuduhan atau penalti jenayah atau pelucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat pada keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai jawapan kepada soalan.

(4) Pegawai diberi kuasa yang mendapatkan maklumat daripada seseorang hendaklah terlebih dahulu memberitahu orang itu tentang subseksyen (2) dan (3).

(5) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bilamana mungkin, ditukar ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dicapkan dengan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa pernyataan itu dibuatnya dan selepas dia telah diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu.

Pendakwaan

9. Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Akta ini kecuali oleh atau dengan kebenaran bertulis Pendakwa Raya.

Hadiah untuk maklumat

10. Dalam hal sesuatu sabitan yang melibatkan denda, mahkamah yang mengenakan denda itu boleh, atas permohonan pegawai yang menjalankan pendakwaan, mengarahkan supaya dibayar kepada orang yang memberikan maklumat yang membawa kepada sabitan itu apa-apa bahagian denda itu tetapi tidak melebihi setengah daripada denda itu mengikut apa-apa perkadaruan yang difikirkan patut oleh mahkamah itu.

BAHAGIAN V

LESEN

Aktiviti untuk dilesenkan

11. Tiada seorang pun boleh menjalankan apa-apa aktiviti—

- (a) pengimportan ke terminal penggasan semula;
- (b) penggasan semula gas;
- (c) pengiriman gas;
- (d) pengangkutan gas;
- (e) pengagihan gas;
- (f) peruncitan gas; atau
- (g) penggunaan gas,

melainkan orang itu dilesenkan di bawah Akta ini.

Permohonan bagi pemberian lesen

11A. (1) Seseorang boleh memohon kepada Suruhanjaya untuk mendapatkan suatu lesen bagi aktiviti yang disebut dalam seksyen 11 tertakluk kepada apa-apa fi yang ditetapkan yang boleh dikenakan oleh Suruhanjaya.

(2) Mana-mana orang yang memohon untuk mendapatkan suatu lesen di bawah subseksyen (1) hendaklah mengemukakan kepada Suruhanjaya butir-butir yang berikut:

- (a) dalam hal suatu lesen bagi pengagihan, peruncitan atau penggunaan gas:

- (i) kawasan pembekalan;
 - (ii) pelan lokasi tapak yang menunjukkan lokasi yang dicadangkan bagi premis yang hendak dipasang dengan talian paip dan kawasan sekitarnya;
 - (iii) susun atur perpaipan yang menunjukkan butir-butir laluan talian paip termasuk lokasi apa-apa tangki atau silinder penstoran, sempadan tapak, dinding pesongan dan punca pencucuhan yang terdekat;
 - (iv) spesifikasi teknikal talian paip atau sistem perpaipan;
 - (v) pemerakuan bagi talian paip atau sistem perpaipan; dan
 - (vi) apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Suruhanjaya; dan
- (b) dalam hal suatu lesen bagi pengimportan ke terminal penggasan semula, penggasan semula, pengiriman gas atau pengangkutan gas, apa-apa butiran yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.
- (3) Semua orang yang memohon untuk mendapatkan suatu lesen di bawah Akta ini hendaklah mematuhi prinsip dan tatacara yang ditetapkan oleh kod atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya bagi maksud membuat permohonan itu.

Pemberian lesen

11B. (1) Suruhanjaya boleh memberikan—

- (a) suatu lesen bagi penggasan semula atau pengagihan gas, dengan kelulusan Menteri; atau

- (b) suatu lesen bagi pengangkutan gas, kepada seseorang yang ditetapkan oleh Menteri; atau
- (c) suatu lesen bagi pengimportan ke terminal penggasan semula, pengiriman, peruncitan atau penggunaan gas,

atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang didapati perlu atau suai manfaat dengan mengambil kira tugas yang dikenakan oleh seksyen 4 dan apabila dibayar apa-apa fi yang ditetapkan yang dikenakan oleh Suruhanjaya.

- (2) Suatu lesen tidak boleh diberikan kepada mana-mana orang—
 - (a) jika pemberian lesen itu boleh, pada pendapat Suruhanjaya, menimbulkan konflik kepentingan dalam pelaksanaan apa-apa tugas yang dikenakan ke atas orang itu di bawah Akta ini atau apa-apa lesen lain yang diberikan kepadanya di bawah seksyen ini; atau
 - (b) yang tidak diperbadankan di Malaysia atau tidak mempunyai tempat perniagaan di Malaysia, kecuali lesen bagi pengimportan ke terminal penggasan semula.
- (3) Bagi maksud pemberian lesen di bawah seksyen ini, Suruhanjaya boleh memberikan lebih daripada satu lesen kepada mana-mana orang yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya.
- (4) Tiada lesen boleh dipindahmilikkan, diserahhakkan, disubserahhakkan atau selainnya dilupuskan melainkan jika keizinan bertulis Menteri atau Suruhanjaya telah diperoleh.
- (5) Tempoh lesen bolehlah sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya dalam setiap kes.
- (6) Apa-apa lesen yang diberikan di bawah seksyen ini boleh meliputi penentuan kawasan aktiviti yang dilesenkan oleh Suruhanjaya.

(7) Tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, apa-apa lesen yang diberikan di bawah seksyen ini boleh membenarkan pemegang lesen meletakkan, menempatkan atau membawa di atas, di bawah atau melalui tanah Kerajaan, setakat dan mengikut cara yang dinyatakan dalam lesen itu, apa-apa talian paip dan sistem perpaipan dan untuk membina dan menyenggara di dalam atau di atas tanah Kerajaan apa-apa kelengkapan lain yang pada pendapat Suruhanjaya adalah perlu atau patut bagi maksud lesen itu, dan tertakluk sentiasa kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, kebenaran tersebut boleh diberikan atau ditambah pada bila-bila masa dalam tempoh sah lesen itu.

Kuasa untuk mengenakan terma atau syarat tambahan

11c. Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa—

- (a) mengenakan apa-apa terma atau syarat tambahan ke atas sesuatu lesen, termasuklah lesen sedia ada; atau
- (b) meminda apa-apa terma atau syarat yang sebelum ini dikenakan ke atas mana-mana lesen,

mengikut tatacara yang boleh ditetapkan.

Cagaran, pengantungan atau pembatalan lesen

12. (1) Sebelum mengeluarkan apa-apa lesen, Suruhanjaya boleh menghendaki suatu cagaran, sama ada dalam bentuk tunai atau gerenti bank sebagaimana yang dinyatakan olehnya, yang hendaklah diberikan bagi pematuhan wajar terma dan syarat lesen. Amaun cagaran yang tersebut hendaklah berdasarkan kos pembinaan, kos operasi atau kedua-duanya, mengikut, mana-mana yang berkenaan, pemegang lesen, sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dan amaun itu boleh dikaji semula dari semasa ke semasa.

(2) Sesuatu lesen boleh pada bila-bila masa digantung atau dibatalkan oleh Suruhanjaya apabila berlaku pelanggaran mana-mana

syarat lesen itu atau keingkaran membayar apa-apa wang yang terakru dan kena dibayar di bawahnya, atau jika pemegang lesen terhenti mengerjakan atau mengendalikan talian paip atau sistem perpaipan yang dia diberi kuasa untuk melakukannya di bawah lesen yang diberikan kepadanya atau atas apa-apa alasan lain yang ditentukan oleh Suruhanjaya sebagai perlu atau suai manfaat:

Dengan syarat bahawa, jika sesuatu lesen telah digantung atau dibatalkan di bawah subseksyen ini pemegang lesen boleh, jika dia berpendapat bahawa dia telah menanggung atau mungkin akan menanggung kesusahan tidak wajar disebabkan oleh penggantungan atau pembatalan itu, merayu kepada Menteri terhadap penggantungan atau pembatalan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan keputusan Menteri mengenai rayuan itu adalah muktamad.

(3) Pemegang lesen tidaklah berhak mendapat pampasan bagi apa-apa kerugian hasil kepadanya yang disebabkan oleh penggantungan atau pembatalan lesen di bawah seksyen ini.

(4) Apabila sesuatu lesen digantung, Suruhanjaya boleh—

- (a) menghendaki pemegang lesen membetulkan apa-apa pelanggaran mana-mana syarat lesen itu atau membayar apa-apa wang yang terakru yang kena dibayar di bawahnya di dalam sesuatu tempoh tertentu yang dinyatakan; dan/atau
- (c) demi kepentingan awam, memberi kuasa seorang lain meneruskan pengendalian talian paip atau sistem perpaipan itu jika talian paip atau sistem perpaipan itu atau mana-mana bahagiannya sudah beroperasi dalam tempoh penggantungan itu.

(5) Sekiranya Suruhanjaya berpuas hati bahawa pemegang lesen telah mematuhi kehendak di bawah perenggan (4)(a) penggantungan boleh ditarik balik dan pemegang lesen boleh dibenarkan meneruskan pembinaan atau pengendalian talian paip atau sistem perpaipan itu,

mengikut mana-mana yang berkenaan. Jika Suruhanjaya tidak berpuas hati, Suruhanjaya boleh membatalkan lesen itu.

(6) Apabila sesuatu lesen dibatalkan, Suruhanjaya boleh—

- (a) menghendaki pemegang lesen, dalam suatu tempoh masa yang munasabah, mengalihkan talian paip atau sistem perpaipan itu dengan pemegang lesen itu menanggung kosnya;
- (b) mengambil alih talian paip atau sistem perpaipan itu atau sebahagian daripadanya dengan bayaran pampasan yang mencukupi kepada pemegang lesen itu dan melantik seorang pemegang lesen lain untuk menyiapkan pembinaan talian paip atau sistem perpaipan itu atau penghantaran gas melalui talian paip atau sistem perpaipan yang diambil alih itu, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau
- (c) memberi kuasa seorang pemegang lesen lain, dengan bayaran pampasan yang mencukupi, mengambil alih talian paip dan sistem perpaipan itu atau sebahagian daripadanya dan menyiapkan pembinaannya atau penghantaran gas melalui talian paip atau sistem perpaipan yang diambil alih itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(7) Jika sesuatu lesen dibatalkan di bawah seksyen ini cagaran hendaklah terlucut hak sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.

(8) Dalam subseksyen (1)—

“kos pengendalian” ertinya semua kos yang dihitung oleh Suruhanjaya sebagai kos mengendalikan sistem penghantaran gas, termasuk upah, kos bahan api, alat ganti, bayaran pekerja dan pelincir tetapi tidak termasuk kos modal atau pinjaman.

BAHAGIAN VI**PERUNTUKAN BERHUBUNGAN DENGAN PEMEGANG LESEN,
PEMBEKALAN GAS, KEMASUKAN KE TANAH, DLL.****Kuasa untuk menetapkan tarif dan caj**

13. (1) Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, boleh menentukan tarif dan caj untuk dilevikan, oleh—

- (a) seseorang pemegang lesen penggasan semula, pengangkutan atau pengagihan berkenaan dengan penggunaan kemudahan mereka bagi penggasan semula, pengangkutan atau pengagihan gas; dan
- (b) seseorang pemegang lesen peruncitan berkenaan dengan penjualan atau penggunaan gas melalui sistem perpaipan pemegang lesen peruncitan ke premis pengguna.

(2) Suruhanjaya boleh mengeluarkan garis panduan mengenai tarif dan caj termasuk—

- (a) perkaedahan, prinsip dan kategori tarif dan caj;
- (b) tempoh bagi pengenaan tarif dan caj dan bagi kajian semula tarif dan caj; dan
- (c) pengemukaan apa-apa maklumat yang dikehendaki dan difikirkan perlu oleh Suruhanjaya.

(3) Pemegang lesen penggasan semula, pengangkutan, pengagihan atau peruncitan hendaklah mengemukakan suatu cadangan mengenai tarif dan caj kepada Suruhanjaya mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (2).

(4) Tarif dan caj yang diluluskan hendaklah disiarkan oleh pemegang lesen penggasan semula, pengangkutan, pengagihan atau peruncitan mengikut apa-apa cara yang Suruhanjaya berpendapat dapat memastikan publisiti yang mencukupi bagi tarif itu.

(5) Dalam melevikan tarif dan caj di bawah subseksyen (1), pemegang lesen penggasan semula, pengangkutan, pengagihan atau peruncitan tidak boleh menunjukkan keutamaan tidak wajar atau diskriminasi di kalangan pengguna.

Obligasi untuk mengemukakan pelan perniagaan

13A. (1) Tertakluk kepada terma dan syarat lesen, Suruhanjaya boleh meminta pemegang lesen penggasan semula, pengangkutan atau pengagihan untuk mengemukakan rancangan perniagaan boleh pinda lima tahun, atau apa-apa tempoh lain yang ditentukan oleh Suruhanjaya, yang berhubungan dengan aktiviti yang dilesenkan yang dikemaskinikan atas dasar tahunan atau apa-apa tempoh masa lain yang ditentukan oleh Suruhanjaya mengikut tatacara yang diperuntukkan dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang disebut dalam subseksyen (1) yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Standard prestasi pembekalan gas dan perkhidmatan oleh pemegang lesen

13B. (1) Suruhanjaya boleh mengeluarkan garis panduan mengenai apa-apa standard prestasi berkaitan dengan—

(a) pembekalan gas dan penyediaan perkhidmatan kepada pengguna oleh pemegang lesen peruncitan; dan

(b) perkhidmatan berhubung dengan aktiviti pemegang lesen penggasan semula, pengangkutan atau pengagihan.

(2) Standard yang disebut dalam subseksyen (1) termasuklah standard perkhidmatan pengguna untuk dilaksanakan oleh pemegang lesen dan tatacara bagi—

- (a) memenuhi kehendak pengguna secara munasabah;
- (b) menangani aduan dan pertikaian pengguna;
- (c) tatacara bagi pampasan pengguna dalam hal pelanggaran standard prestasi, standard perkhidmatan pengguna atau bagi pelanggaran apa-apa obligasinya di bawah Akta yang menjaskankan pengguna; dan
- (d) perlindungan maklumat pengguna.

(3) Pemegang lesen yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah menyiarkan standard perkhidmatan pelanggan mereka sendiri mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini.

(4) Apa-apa tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini berkenaan dengan apa-apa kegagalan oleh mana-mana pemegang lesen untuk memenuhi standard yang disiarkan, tidak boleh menjaskan atau menyentuh apa-apa remedи lain yang mungkin ada berkenaan dengan tindakan atau peninggalan oleh pemegang lesen yang menyebabkan kegagalan itu di bawah mana-mana undang-undang lain, termasuk Akta Perlindungan Pengguna 1999 [Akta 599].

(5) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda—

- (a) dalam hal pemegang lesen peruncitan, tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit dan didenda selanjutnya satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan, dan pampasan bagi apa-apa kerugian yang ditanggung bagi suatu amaun yang hendaklah ditentukan oleh mahkamah di bawah seksyen 30D; dan
- (b) dalam hal pemegang lesen penggasan semula, pengangkutan atau pengagihan, tidak melebihi satu juta ringgit dan didenda selanjutnya tidak melebihi sepuluh ribu

ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan, dan pampasan bagi apa-apa kerugian yang ditanggung bagi suatu amaun yang hendaklah ditentukan oleh mahkamah di bawah seksyen 30D.

Akaun berasingan bagi aktiviti di bawah lesen

13C. (1) Berkenaan dengan aktivitinya yang dilesenkan, seseorang pemegang lesen hendaklah menyenggara akaun tahunan yang sewajarnya yang berasingan daripada perniagaan lain pemegang lesen itu dan Suruhanjaya boleh meminta pemegang lesen itu untuk mengemukakan apa-apa laporan itu kepada Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

(2) Akaun berasingan itu hendaklah mengandungi butir-butir yang mencukupi berkenaan dengan apa-apa hasil, kos, aset, liabiliti, rizab, peruntukan atau apa-apa perkara lain yang telah sama ada—

- (a) dicajkan dari atau ke mana-mana perniagaan lain; atau
- (b) ditentukan oleh penguntukan atau pembahagian yang boleh dikaitkan dan dikenal pasti dengan aktiviti atau aktiviti-aktiviti yang dilesenkan,

atau apa-apa maklumat lain yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya.

(3) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit dan didenda selanjutnya satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Kehendak bagi pelesenan

13D. (1) Walau apa pun mana-mana peruntukan lain Akta ini, jika pada bila-bila masa ternyata pada Suruhanjaya bahawa seseorang pemegang lesen tidak mematuhi apa-apa kehendak atau memenuhi

apa-apa kewajipan atau obligasinya di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana perundangan subsidiarinya atau terma atau syarat lesen, Suruhanjaya boleh mengeluarkan arahan yang menghendaki pemegang lesen itu untuk membetulkan ketidakpatuhan itu atau untuk mematuhi kehendak, kewajipan atau obligasi atau terma atau syarat lesen dalam tempoh tertentu yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Pemegang lesen hendaklah mengambil segala langkah yang munasabah untuk mematuhi dan mengemukakan laporan pematuhan berkala tentang langkah yang diambil sehingga memuaskan hati Suruhanjaya.

(3) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan.

Tugas pemegang lesen peruncitan untuk membekalkan gas kepada pengguna apabila diminta atau tugas pemegang lesen penggasan semula, pengangkutan atau pengagihan untuk membenarkan penggunaan kemudahan mereka oleh pihak ketiga

14. (1) Tertakluk kepada peruntukan yang berikut dalam Bahagian ini dan terma dan syarat lesen yang dikenakan di bawah seksyen 11B, peraturan-peraturan, kod atau garis panduan yang dibuat di bawah Akta ini—

- (a) pemegang lesen peruncitan hendaklah apabila diminta oleh pengguna membekalkan gas ke premis pengguna itu; dan
- (b) pemegang lesen penggasan semula, pengangkutan atau pengagihan hendaklah apabila diminta oleh seseorang pemegang lesen pengiriman membenarkan penggunaan kemudahannya.

(2) Jika mana-mana orang menghendaki pembekalan gas di bawah perenggan (1)(a), dia hendaklah memberi pemegang lesen peruncitan suatu notis yang menyatakan—

- (a) premis yang berkenaan dengannya bekalan itu dikehendaki;
- (b) hari yang bekalan itu mula dikehendaki;
- (c) kuantiti yang boleh dikehendaki pada bila-bila masa;
- (d) tempoh minimum bekalan itu dikehendaki supaya diberikan; dan
- (e) tekanan yang dikehendaki bagi bekalan itu.

(3) Jika seseorang pemegang lesen pengiriman memerlukan penggunaan—

- (a) kemudahan pemegang lesen penggasan semula, dia hendaklah memberikan suatu notis kepada pemegang lesen penggasan semula yang menyatakan tarikh permulaan penggunaan, tempoh penggunaan kemudahan dan kapasiti yang dikehendaki;
- (b) kemudahan pemegang lesen pengangkutan, dia hendaklah memberikan suatu notis kepada pemegang lesen pengangkutan yang menyatakan tarikh permulaan penggunaan, tempoh penggunaan kemudahan, kapasiti dan tempat masuk dan keluar bagi pengangkutan gas; atau
- (c) kemudahan pemegang lesen pengagihan, dia hendaklah memberikan suatu notis kepada pemegang lesen pengagihan yang menyatakan tarikh permulaan penggunaan, tempoh penggunaan kemudahan, kapasiti dan tempat masuk dan keluar bagi pengagihan gas.

(4) Jika seseorang pemegang lesen menerima daripada mana-mana orang suatu notis di bawah subseksyen (2) atau (3) yang menghendakinya memberikan bekalan gas ke mana-mana premis atau membenarkan penggunaan kemudahannya dan—

- (a) dia belum pernah sebelum ini memberikan bekalan gas ke premis itu atau membenarkan penggunaan kemudahannya;
- (b) kecuali bagi pemegang lesen penggasan semula, pemberian bekalan gas itu atau kebenaran menggunakan kemudahan itu menghendaki pengadaan talian paip atau sistem perpaipan; atau
- (c) hal keadaan lain wujud yang menjadikannya perlu atau suai manfaat untuk dia berbuat demikian,

pemegang lesen itu hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan selepas menerima notis itu, memberi orang itu suatu notis di bawah subseksyen (5).

(5) Suatu notis di bawah subseksyen ini hendaklah—

- (a) menyatakan takat cadangan yang dinyatakan dalam notis di bawah subseksyen (2) atau (3) boleh diterima oleh pemegang lesen dan menyatakan apa-apa cadangan balas yang dibuat oleh pemegang lesen;
- (b) menyatakan sama ada harga yang hendak dikenakan oleh pemegang lesen ditentukan melalui suatu tarif di bawah seksyen 13 dan menyatakan tarif itu;
- (c) menyatakan apa-apa bayaran yang dikehendaki supaya dibuat oleh orang itu di bawah subseksyen 16(1); dan
- (d) menyatakan apa-apa cagaran yang dikehendaki supaya diberikan oleh orang itu di bawah seksyen 17.

(6) Dalam seksyen ini dan dalam seksyen 15 hingga 17 Bahagian ini—

- (a) apa-apa sebutan mengenai memberikan pembekalan gas atau membenarkan penggunaan kemudahan termasuklah sebutan mengenai terus memberikan pembekalan

sedemikian atau membenarkan penggunaan sedemikian; dan

- (b) apa-apa sebutan mengenai menghendaki pembekalan gas atau membenarkan penggunaan kemudahan termasuklah sebutan mengenai terus menghendaki pembekalan sedemikian atau membenarkan penggunaan sedemikian.

(7) Tanpa menjelaskan subseksyen (2) atau (3), pihak yang menghendaki pembekalan gas atau kebenaran penggunaan kemudahan hendaklah memberitahu pemegang lesen yang berkaitan tentang apa-apa maklumat lain yang boleh semunasabahnya diperlukan oleh pemegang lesen itu.

Kecualian kepada kewajipan supaya membekalkan gas atau untuk membenarkan penggunaan kemudahan

15. (1) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen 14(1) boleh menghendaki pemegang lesen peruncitan untuk membekalkan gas kepada pengguna atau pemegang lesen penggasan semula, pengangkutan atau pengagihan untuk membenarkan penggunaan kemudahannya, jika—

- (a) pembekalan itu bercanggah dengan mana-mana undang-undang;
- (b) di bawah perjanjian itu, dia dikecualikan sedemikian;
- (c) dia terhalang daripada berbuat demikian oleh kerosakan dan kegagalan mana-mana talian paip atau sistem perpaipan yang di luar kawalannya, atau disebabkan oleh kebakaran, banjir, tanah runtuh, letupan, kemalangan, kekacauan industri di peringat kebangsaan, darurat, rusuhan, kekacauan sivil atau peperangan, atau apa-apa peristiwa lain yang di luar kawalan pemegang lesen;
- (d) pembekalan gas atau penggunaan kemudahannya telahpun diberikan; atau

- (e) Suruhanjaya berpendapat bahawa tidaklah munasabah, memandangkan semua hal keadaan, dia dikehendaki berbuat demikian.
- (2) Tiada apa-apa juar dalam perjanjian yang disebut dalam perenggan (1)(b) boleh membuat peruntukan bagi apa-apa kecualian daripada kewajipan supaya membekalkan gas atau membenarkan penggunaan kemudahan selain—
- (a) suatu keadaan yang dia dihalang daripada membekalkan gas atau membenarkan penggunaan kemudahannya oleh sebab kebakaran, banjir, tanah runtuh, letusan, kemalangan, kekacauan industri di peringkat kebangsaan, kecemasan, rusuhan, kekacauan awam atau peperangan, atau apa-apa peristiwa serupa yang lain yang bukan dalam kawalan pemegang lesen; atau
- (b) jika perjanjian tersebut memperuntukkan apa-apa pengecualian atas sebab keselamatan yang memberi kesan secara langsung atau akan memberi kesan terhadap keupayaannya untuk membekalkan gas atau membenarkan penggunaan kemudahannya.

Kuasa untuk mendapatkan kembali perbelanjaan

16. (1) Jika apa-apa talian paip atau sistem perpaipan disediakan oleh pemegang lesen bagi maksud membekalkan gas atau membenarkan penggunaan kemudahannya di bawah subseksyen 14(1), pemegang lesen boleh, dengan kelulusan Suruhanjaya, menghendaki apa-apa perbelanjaan yang semunasabahnya ditanggung oleh pemegang lesen itu dibiayai oleh orang yang menghendaki pembekalan gas atau penggunaan kemudahan itu setakat yang munasabah dengan mengambil kira hal keadaan itu.

(2) Perbelanjaan yang semunasabahnya dilakukan dalam mengadakan apa-apa talian paip atau sistem perpaipan di bawah subseksyen (1) termasuklah nilai dipermodalkan bagi apa-apa

perbelanjaan yang mungkin dilakukan sedemikian dalam menyenggarakannya, jika perbelanjaan itu tidak boleh didapatkan kembali oleh pemegang lesen sebagai sebahagian daripada tarif tertakluk kepada seksyen 13, jika berkenaan, yang dilevikian olehnya bagi pembekalan gas atau penggunaan kemudahan itu.

(3) Perbelanjaan yang ditanggung dalam mengadakan apa-apa talian paip atau sistem perpaipan di dalam premis pengguna hendaklah ditanggung oleh pengguna itu.

Kuasa pemegang lesen untuk menghendaki cagaran

17. (1) Pemegang lesen pengiriman atau peruncitan boleh menghendaki mana-mana orang yang menghendaki pembekalan gas supaya memberikannya cagaran yang munasabah bagi segala wang yang mungkin menjadi kena dibayar kepadanya—

- (a) berkenaan dengan pengiriman atau peruncitan gas itu; dan
- (b) berkenaan dengan apa-apa kerja yang perlu dilakukan bagi peruncitan gas itu,

dan jika orang itu gagal untuk memberikan cagaran sedemikian, pemegang lesen pengiriman boleh enggan untuk mengirim atau dalam hal pemegang lesen peruncitan, untuk membekalkan gas atau mengadakan sistem perpaipan sehinggalah cagaran itu diberikan.

(1A) Pemegang lesen penggasan semula, pengangkutan atau pengagihan boleh menghendaki mana-mana orang yang berniat untuk menggunakan kemudahannya di bawah perenggan 14(1)(b) untuk memberikannya cagaran yang munasabah bagi segala wang yang mungkin menjadi kena dibayar kepadanya berkenaan dengan penggunaan kemudahan itu, dan jika orang itu gagal untuk memberikan cagaran sedemikian, pemegang lesen itu boleh enggan untuk membenarkan penggunaan kemudahan itu sehinggalah cagaran itu diberikan.

(2) Jika orang itu belum memberikan cagaran dalam subseksyen (1) atau cagaran yang diberikan oleh orang itu menjadi tidak mencukupi, pemegang lesen boleh melalui notis menghendaki orang itu, dalam masa tujuh hari selepas penyampaian notis itu, memberinya cagaran yang munasabah bagi pembayaran semua wang yang kena dibayar kepadanya berkenaan dengan pengiriman atau peruncitan gas itu dan jika orang itu tidak memberikan cagaran sedemikian, pemegang lesen boleh, jika difikirkannya patut, memberhentikan pengiriman atau peruncitan gas itu sehinggalah cagaran diberikan.

(2A) Jika orang itu gagal untuk memberikan cagaran dalam subseksyen (1A) atau cagaran yang diberikan oleh orang itu menjadi tidak mencukupi, pemegang lesen boleh melalui notis menghendaki orang itu, dalam masa tujuh hari selepas penyampaian notis itu, memberikan kepadanya cagaran yang munasabah bagi pembayaran semua wang yang kena dibayar kepadanya berkenaan dengan penggunaan kemudahannya dan jika orang itu gagal untuk memberikan cagaran sedemikian, pemegang lesen itu boleh menggantung penggunaan kemudahannya sehinggalah cagaran itu diberikan.

Pemulangan cagaran dengan faedah

17A. Walau apa pun mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini, seseorang pemegang lesen hendaklah membayar kepada seseorang tertakluk kepada syarat dan pada kadar yang ditetapkan, sejumlah wang yang bersamaan dengan faedah tahunan atas cagaran yang diberikan di bawah seksyen 17.

18. (*Dipotong oleh Akta A1515*).

Caj bagi penggasan semula, pengangkutan, pengagihan atau peruncitan gas hendaklah ditentukan melalui meter yang sesuai

- 19.** (1) Jika mana-mana orang akan dikenakan caj—
- (a) sebagai pengguna yang menerima gas daripada pemegang lesen pengiriman atau peruncitan;
 - (b) sebagai pemegang lesen persendirian yang menerima gas daripada pemegang lesen pengiriman;
 - (c) sebagai pemegang lesen peruncitan yang menerima gas daripada pemegang lesen pengiriman; atau
 - (d) bagi penggunaan kemudahan pemegang lesen penggasan semula, pengangkutan atau pengagihan olehnya,

dengan merujuk kepada kuantiti gas yang terlibat, gas itu hendaklah dihantar melalui, dan kuantitinya gas itu hendaklah ditentukan melalui meter yang sesuai termasuklah meter prabayar, infrastruktur pemeteran automatik atau oleh telepemeteran.

(2) Meter itu, yang disediakan oleh pemegang lesen penggasan semula, pengangkutan, pengagihan atau peruncitan, sama ada melalui jualan, sewaan atau pinjaman, hendaklah daripada jenis yang diluluskan oleh Suruhanjaya atau badan yang dilantik olehnya atau oleh mana-mana badan kerajaan berkaitan yang lain untuk tujuan tersebut dan mematuhi keperluan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, kod atau garis panduan yang dikeluarkan di bawah Akta ini atau mematuhi mana-mana Akta lain yang mentadbir badan kerajaan itu.

- (3) Meter itu hendaklah dipasang—
- (a) pada premis pengguna kepada pemegang lesen pengiriman atau pemegang lesen peruncitan di kedudukan yang ditentukan oleh pemegang lesen itu;

- (b) pada kemudahan tersebut di kedudukan yang ditentukan oleh pemegang lesen penggasan semula bagi pengimportan gas ke terminal penggasan semula atau penggunaan kemudahan penggasan semula;
 - (c) pada stesen pintu kota di kedudukan yang ditentukan oleh pemegang lesen pengangkutan bagi penghantaran gas dari talian paip penghantaran ke talian paip pengagihan.
- (4) Jika pengguna enggan atau gagal untuk mendapatkan penghantaran atau pembekalan gas atau penggunaan kemudahan melalui meter yang sesuai yang disediakan dan dipasang mengikut subseksyen (2) dan (3), pemegang lesen boleh enggan untuk memberi atau boleh menghentikan penghantaran atau pembekalan gas atau penggunaan kemudahan itu.
- (5) Peraturan-peraturan boleh ditetapkan dan kod atau garis panduan boleh dikeluarkan untuk mengawal selia tanggungjawab pemegang lesen berhubung dengan pemeteran mengikut Akta ini.

Pengurangan atau penghentian peruncitan gas: liabiliti

- 20.** (1) Mana-mana pemegang lesen peruncitan boleh menghentikan bekalan gas atau mengurangkan, sebagaimana yang difikirkannya patut, kuantiti bekalan gas yang dibekalkan kepada mana-mana pengguna di dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam seksyen 15.
- (2) Tanpa menjaskan mana-mana perjanjian, jika kuantiti gas telah dikurangkan seperti yang disebut terdahulu—
- (a) tiada liabiliti boleh ditanggung oleh pemegang lesen berkenaan dengan apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh pengurangan itu; dan

(b) dalam hal-hal yang sesuai, suatu potongan pada caj bagi pembekalan gas hendaklah dibuat berkadar dengan pengurangan yang dibuat.

(3) Mana-mana pemegang lesen peruncitan tidak bertanggungan bagi apa-apa kerugian kepada mana-mana orang atau kerosakan kepada mana-mana harta atau bagi apa-apa penghentian atau pengurangan bekalan gas—

(a) yang disebabkan secara langsung oleh apa-apa perbuatan cuai pada pihak pengguna termasuk apa-apa sambungan tanpa kebenaran apa-apa sistem perpaipan; atau

(b) yang ditunjukkan telah diakibatkan oleh mana-mana peristiwa yang diperihalkan dalam seksyen 15.

(4) Pemegang lesen peruncitan hendaklah bertanggungan bagi apa-apa kerugian kepada mana-mana orang atau apa-apa kerosakan kepada mana-mana harta atau kerana apa-apa penghentian atau pengurangan bekalan gas yang ditunjukkan telah diakibatkan oleh kecuaian pada pihak orang yang diambil kerja oleh pemegang lesen peruncitan, ejennya atau pekhidmatnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau diakibatkan oleh pembinaan tidak sempurna sistem perpaipan itu oleh pemegang lesen peruncitan itu.

(5) Tanpa menjelaskan subseksyen (4), pemegang lesen peruncitan hendaklah membetulkan apa-apa kerosakan untuk memastikan keberterusan bekalan gas dalam tempoh masa yang munasabah dan membaiki apa-apa kerosakan dari alur keluar meter ke perpaipan dalaman di dalam premis pengguna jika ditunjukkan bahawa kerosakan itu telah diakibatkan oleh perbuatan cuai pemegang lesen peruncitan, ejennya atau pekhidmatnya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pemberhentian penghantaran atau pembekalan gas

21. (1) Jika seseorang pemegang lesen mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa berkenaan dengan mana-mana

premis suatu kesalahan di bawah subseksyen 30(5), 30(6), 30(7) atau 30(9) telah dilakukan, pemegang lesen itu atau mana-mana orang yang diberi kuasa sewajarnya oleh pemegang lesen itu boleh, apabila diberikan notis tidak kurang daripada dua puluh empat jam dalam apa-apa bentuk yang ditetapkan, memberhentikan penghantaran atau pembekalan gas ke premis itu.

(2) Apabila bekalan diberhentikan di bawah subseksyen (1), pemegang lesen hendaklah dengan serta-merta memaklumkan Suruhanjaya tentang pemberhentian itu.

(3) Apabila diterimanya maklumat di bawah subseksyen (2), Suruhanjaya hendaklah dengan segera mengarahkan seorang pegawai diberi kuasa memeriksa premis itu dan secepat yang mungkin selepas pemeriksaan itu, Suruhanjaya hendaklah membentuk pendapat—

- (a) bahawa suatu kesalahan telah dilakukan dan bahawa penghantaran atau pembekalan gas tidak boleh disambung semula sehingga penyiasatan selesai; atau
- (b) bahawa tiada kesalahan telah dilakukan dan bahawa penghantaran atau pembekalan gas hendaklah disambung semula dengan serta-merta dan dalam hal yang sedemikian pemegang lesen hendaklah membayar pampasan bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang diakibatkan oleh pemberhentian bekalan itu.

(4) Jika Suruhanjaya itu membentuk suatu pendapat di bawah subseksyen (3) bahawa suatu kesalahan telah dilakukan, penyiasatan di bawah seksyen 5 dan 6 hendaklah dijalankan. Apabila selesai penyiasatan itu, jika penyiasatan itu menunjukkan bahawa tiada apa-apa kesalahan telah dilakukan, penghantaran atau pembekalan gas hendaklah disambung semula dengan serta-merta dan apa-apa kerugian yang ditanggung oleh mana-mana pihak boleh dirujukkan kepada Suruhanjaya bagi pembayaran pampasan yang mencukupi menurut suatu siasatan yang diadakan di bawah seksyen 29.

(5) Jika suatu kesalahan telah dilakukan, pemegang lesen boleh menghendaki pengguna membayar kepadanya bagi apa-apa kerugian hasil yang disebabkan oleh kesalahan yang dilakukan di bawah subseksyen 30(5), 30(6), 30(7) atau 30(9) dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh pemegang lesen itu di bawah seksyen ini termasuk perbelanjaan yang dilakukan berkenaan dengan penyambungan semula penghantaran atau pembekalan gas dalam cara dan mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah Akta ini.

(5A) Walau apa pun subseksyen (5) sekiranya pemegang lesen tidak meneruskan dengan tuntutan untuk kerugian hasil dan perbelanjaan tersebut di mahkamah, pemegang lesen hanya boleh membuat tuntutan terhadap pengguna untuk kerugian hasil dan perbelanjaan tersebut untuk suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan ke belakang dari tarikh kesalahan itu disedari di bawah subseksyen (1).

(6) Tertakluk kepada subseksyen (5), suatu pernyataan bertulis oleh pemegang lesen atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pemegang lesen itu yang menyatakan—

- (a) amaun kerugian unit gas atau perbelanjaan yang dilakukan oleh pemegang lesen termasuklah cara pengiraan kerugian hasil dan butiran perbelanjaan; dan
- (b) orang yang bertanggungan bagi pembayarannya,

hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai pembayaran yang kena dibuat oleh pengguna di bawah subseksyen (5) dan kenyataan bertulis tersebut hendaklah dimaklumkan kepada pengguna dalam masa empat belas hari bekerja atau apa-apa tempoh yang dilanjutkan dengan kelulusan bertulis Suruhanjaya selepas pemotongan itu.

(7) Amaun yang dinyatakan dalam pernyataan bertulis itu atau yang diputuskan oleh Suruhanjaya hendaklah, dalam tempoh yang dinyatakan dalam pernyataan itu, menjadi genap masa dan kena dibayar kepada pemegang lesen dan jika tidak dibayar amaun itu boleh didapatkan melalui tindakan sivil di mahkamah.

Liabiliti tidak terjejas

22. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 20, tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini boleh berkuat kuasa untuk melepaskan mana-mana pemegang lesen daripada apa-apa liabiliti sivil atau jenayah yang berbangkit di bawah Akta ini.

Kuasa untuk memasuki dan meneliti tanah bukan milik kerajaan

23. (1) Bilamana didapati oleh pemegang lesen bahawa akan menjadi perlu baginya menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh Akta ini berkenaan dengan mana-mana tanah selain tanah Kerajaan bagi maksud membina apa-apa talian paip atau pepasangan sistem perpaipan atau sebahagian daripadanya, pemegang lesen itu atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya boleh, selepas memberikan notis tidak kurang daripada dua puluh empat jam kepada penghuni tanah itu, jika ada, memasuki tanah itu dan membuat pengukuran dan mengambil aras dan melakukan apa-apa perbuatan lain yang perlu untuk menentukan kesesuaian tanah itu, setakat yang mungkin tanpa menyebabkan kerosakan atau gangguan.

(2) Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam seksyen ini boleh disifatkan sebagai membenarkan mana-mana orang memotong atau membuang apa-apa tumbuhan atau apa-apa pagar atau binaan lain atau memasuki mana-mana bangunan atau apa-apa kepungan yang dipasang pada mana-mana bangunan.

(3) Dalam hal tanah rizab, notis di bawah subseksyen (1) boleh diberikan kepada pegawai atau mana-mana orang lain yang menjaga tanah rizab itu atau, jika tidak ada mana-mana pegawai atau orang sedemikian, kepada Pentadbir Tanah Daerah.

Kuasa untuk memasuki tanah bukan milik kerajaan bagi maksud pembinaan

24. (1) Bilamana perlu berbuat demikian bagi maksud memasang apa-apa—

- (a) talian paip untuk penggasan semula atau pengangkutan gas;
atau
- (b) talian paip untuk pengagihan gas atau sistem perpaipan,

seseorang pemegang lesen boleh meletakkan, menempatkan atau membawa di, di dalam atau di atas mana-mana tanah, selain tanah Kerajaan, apa-apa talian paip atau sistem perpaipan yang perlu atau patut bagi maksud lesen itu, dan boleh mengambil apa-apa tindakan lain yang perlu untuk menjadikan talian paip atau sistem perpaipan tersebut selamat dan efisien, membayar pampasan penuh mengikut seksyen 28 kepada semua orang yang berkepentingan untuk sebarang kekacauan, kerosakan atau ketidakupayaan yang mungkin disebabkan olehnya dan pampasan tersebut bolehlah termasuk bayaran tahunan untuk tanah yang digunakan bagi maksud talian paip atau sistem perpaipan tersebut.

(1A) Bagi maksud perenggan (1)(a), pemegang lesen penggasan semula atau pengangkutan hendaklah mematuhi keperluan pihak berkuasa yang berkaitan yang mempunyai bidang kuasa ke atas keselamatan terminal penggasan semula atau talian paip penghantaran yang berkaitan.

(1B) Bagi maksud perenggan (1)(b), pemegang lesen pengagihan, peruncitan atau gas persendirian hendaklah mematuhi keperluan yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya berkenaan keselamatan talian paip pengagihan atau sistem perpaipan.

(2) Sebelum memasuki mana-mana tanah bagi maksud yang dinyatakan dalam subseksyen (1), pemegang lesen hendaklah memberikan notis yang menyatakan, dengan sepenuh dan setepat mungkin, jenis dan takat perbuatan yang dicadangkan hendak dilakukan. Notis itu hendaklah pada matannya mengikut bentuk yang

dinyatakan dalam Jadual Pertama. Pentadbir Tanah Daerah hendaklah menyatakan tarikh Pihak Berkuasa Negeri akan menyiasat apa-apa bantahan yang mungkin telah dibuat sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini.

(3) Notis yang disebut terdahulu hendaklah diberikan—

- (a) dalam hal tanah beri milik, kepada pemunya atau penghuni;
- (b) dalam hal tanah rizab, kepada pegawai atau mana-mana orang lain yang menjaga tanah rizab itu atau, jika tidak ada mana-mana pegawai atau orang sedemikian, kepada Pentadbir Tanah Daerah,

dan boleh dihantar melalui pos berdaftar atau ditinggalkan di tempat tinggal biasa atau yang akhir sekali diketahui bagi orang yang kepadanya notis itu dikehendaki diberikan atau disampaikan oleh pemegang lesen atau Pentadbir Tanah Daerah itu, atas perbelanjaan pemegang lesen itu, sama ada mengikut cara yang diperuntukkan terdahulu daripada ini atau mengikut cara yang diperuntukkan bagi penyampaian notis melalui mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah yang berkuasa di Negeri tempat terletaknya tanah itu.

(4) Mana-mana orang yang tersebut dalam subseksyen (3) boleh, dalam masa empat belas hari dari masa penerimaan notis yang disebut dalam subseksyen itu, menyerahkan suatu bantahan terhadap perbuatan yang dicadangkan oleh pemegang lesen. Bantahan itu boleh dibuat kepada Pentadbir Tanah Daerah, sama ada secara lisan atau bertulis, dan Pentadbir Tanah Daerah hendaklah memberikan notis mengenai bantahan itu kepada Pihak Berkuasa Negeri dan kepada pemegang lesen.

(5) Jika tiada bantahan diserahkan dalam masa yang dihadkan bagi maksud itu oleh subseksyen (4), pemegang lesen boleh dengan serta-merta memasuki tanah itu dan melakukan segala atau mana-mana perbuatan yang dinyatakan dalam notis yang diberikan di bawah subseksyen (2).

(6) Jika bantahan diserahkan dan tidak ditarik balik sebelum tarikh yang ditetapkan bagi pendengarannya, Pentadbir Tanah Daerah hendaklah mengadakan suatu siasatan, dengan memberi semua pihak peluang untuk didengar.

(7) Apabila selesai siasatan itu, Pentadbir Tanah Daerah boleh, sama ada tanpa syarat atau tertakluk kepada apa-apa terma, syarat dan ketentuan yang difikirkannya patut, membuat perintah yang membenarkan atau melarang mana-mana perbuatan yang tersebut dalam notis yang diberikan di bawah subseksyen (2). Perintah itu hendaklah pada matannya dalam bentuk yang dinyatakan dalam Jadual Kedua:

Dengan syarat bahawa mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan perintah Pentadbir Tanah Daerah boleh dalam masa dua puluh satu hari selepas perintah itu merayu terhadap perintah itu kepada Pihak Berkuasa Negeri yang kemudiannya boleh mengesahkan, mengetepikan atau mengubah perintah itu atas apa-apa terma, syarat dan ketentuan yang difikirkanya patut.

(8) Pihak Berkuasa Negeri boleh, jika difikirkannya patut, sebagai ganti membuat suatu perintah di bawah subseksyen (7), mengarahkan pengambilan mana-mana tanah atau bahagian mana-mana tanah yang termasuk dalam notis yang diberikan di bawah subseksyen (2).

(9) Keputusan Pihak Berkuasa Negeri di bawah seksyen ini adalah muktamad.

(10) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan perkara mengenai tanah, Pendaftar—

(a) apabila dikemukakan kepadanya notis yang dikeluarkan oleh pemegang lesen di bawah subseksyen (2) berserta dengan pernyataan oleh Pentadbir Tanah Daerah bahawa tiada bantahan telah diserahkan oleh mana-mana orang yang tersebut dalam subseksyen (3); atau

- (b) apabila dikemukakan kepadanya perintah asal yang dibuat di bawah subseksyen (7) dan apabila salinan terperaku perintah itu didepositkan dengannya,

hendaklah menyebabkan supaya suatu nota mengenai kewujudan hak di bawah notis atau perintah itu dibuat pada dokumen hakmilik daftaran yang berhubungan dengan tanah yang tersentuh oleh notis atau perintah itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Penyenggaraan, pembaikan dan peningkatan talian paip atau sistem perpaipan

25. (1) Bilamana ia perlu untuk tujuan menyenggara, membaiki atau menaik taraf mana-mana—

- (a) talian paip untuk penggasan semula atau pengangkutan gas;
atau
(b) talian paip untuk pengagihan gas atau sistem perpaipan,

pemegang lesen, atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya untuk tujuan itu, boleh pada bila-bila masa yang munasabah memasuki mana-mana tanah dan boleh menjalankan apa-apa pembaikian yang perlu, dan boleh, dalam masa menjalankan pembaikian itu, membuang tumbuhan dan membuat segala perkara lain yang perlu untuk tujuan tersebut, dengan menyebabkan seberapa sedikit kerosakan yang mungkin dan membayar pampasan penuh mengikut seksyen 28 kepada semua orang yang berkepentingan untuk sebarang kerosakan yang mungkin disebabkan olehnya untuk mana pampasan baginya belum lagi dinilai di bawah seksyen 24.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(a), pemegang lesen penggasan semula atau pengangkutan hendaklah mematuhi keperluan pihak berkuasa yang berkaitan yang mempunyai bidang kuasa ke atas keselamatan terminal penggasan semula atau talian paip penghantaran.

(3) Bagi maksud perenggan (1)(b), pemegang lesen pengagihan, peruncitan atau gas persendirian hendaklah mematuhi keperluan yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya berkenaan keselamatan talian paip pengagihan atau sistem perpaipan.

Pengalihan atau pengubahan talian paip atau sistem perpaipan

26. (1) Jika apa-apa—

- (a) talian paip untuk penggasan semula atau pengangkutan gas telah dipasang di atas tanah di bawah perenggan 24(1)(a); atau
- (b) talian paip untuk pengagihan gas atau sistem perpaipan telah dipasang di atas tanah di bawah perenggan 24(1)(b),

dan jika mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen 24(3) berkeinginan untuk menggunakan tanah tersebut dalam cara yang menyebabkan ia perlu atau mudah sekiranya talian paip atau sistem perpaipan yang disebut dalam perenggan 24(1)(a) dan (b) dipindahkan ke bahagian lain tanah tersebut, atau ke tanah yang lebih tinggi atau yang lebih rendah, atau diubah bentuk, dia boleh menghendaki pemegang lesen untuk mengalih atau mengubah talian paip atau sistem perpaipan tersebut sewajarnya.

(1A) Bagi maksud perenggan (1)(a), pemegang lesen penggasan semula atau pengangkutan hendaklah mematuhi keperluan pihak berkuasa yang berkaitan yang mempunyai bidang kuasa ke atas keselamatan terminal penggasan semula atau talian paip penghantaran.

(1B) Bagi maksud perenggan (1)(b), pemegang lesen pengagihan, peruncitan atau gas persendirian hendaklah mematuhi keperluan yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya berkenaan keselamatan talian paip pengagihan atau sistem perpaipan.

(2) Jika pemegang lesen tidak mematuhi tuntutan itu, orang itu boleh memohon secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Negeri yang boleh, menurut budi bicaranya, selepas menyiasat segala fakta kes itu,

menolak permohonan itu atau membuat suatu perintah, sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada syarat-syarat tertentu, bagi pengalihan atau pengubahan talian paip atau sistem perpaipan itu. Perintah itu hendaklah mengadakan peruntukan bagi pembayaran kos melaksanakan pengalihan atau pengubahan oleh pemegang lesen atau oleh orang yang membuat permohonan, sebagaimana yang difikirkan saksama oleh Pihak Berkuasa Negeri mengikut hal keadaan kes itu.

(3) Pihak berkuasa Negeri boleh tidak menyiasat sendiri hal itu di bawah subseksyen (2) tetapi sebaliknya mengarahkan supaya Pentadbir Tanah Daerah membuat apa-apa siasatan bagi pihaknya dan membuat syor kepadanya.

(4) Bilamana Pihak Berkuasa Negeri telah membuat suatu perintah bagi pengalihan atau pengubahan mana-mana talian paip atau sistem perpaipan, maka pemegang lesen boleh tidak mengalihkan atau mengubah talian paip atau sistem perpaipan itu tetapi sebaliknya memohon kepada Pihak Berkuasa Negeri supaya mengarahkan pengambilan tanah yang diperlukan bagi maksud talian paip atau sistem perpaipan itu, dan Pihak Berkuasa Negeri boleh mengarahkan pengambilan itu dengan sewajarnya.

(5) Bilamana Pihak Berkuasa Negeri diberi kuasa oleh seksyen ini untuk mengarahkan pengambilan mana-mana tanah, maka talian paip atau sistem perpaipan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu kerja bagi kemudahan awam dan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pengambilan tanah yang sedang berkuat kuasa di Negeri tempat terletaknya tanah itu hendaklah dikuatkuasakan dengan sewajarnya.

(6) Bilamana sesuatu talian paip atau sistem perpaipan telah dipasang atas tanah Kerajaan oleh seseorang pemegang lesen dan tanah itu kemudiannya diberi milik kepada mana-mana orang, maka pemunya atau penghuni tanah itu boleh, melainkan jika terma pemberimilikan itu secara nyata memperuntukkan selainnya, menuntut supaya talian paip atau sistem perpaipan itu dialihkan ke suatu bahagian lain tanah itu, atau ke tanah yang arasnya lebih tinggi atau lebih rendah, atau talian paip atau sistem perpaipan itu diubah, dan

subseksyen (1) hingga (4) hendaklah terpakai bagi mana-mana tuntutan sedemikian:

Dengan syarat bahawa kos melaksanakan pengalihan atau pengubahan itu hendaklah dibayar oleh orang yang membuat tuntutan itu.

Perjanjian izin lalu

27. (1) Tiada apa-apa jua dalam seksyen 24 atau 26 boleh menyentuh hak seseorang pemegang lesen penggasan semula, pengangkutan, pengagihan atau peruncitan untuk membuat suatu perjanjian, yang umumnya dikenali sebagai perjanjian izin lalu, dengan pemunya atau penghuni mana-mana tanah bagi maksud membina talian paip atau sistem perpaipan.

(2) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah, Pendaftar, apabila dikemukakan kepadanya salinan asal dan didepositkan dengannya salinan terperaku bagi mana-mana perjanjian izin lalu yang disebut dalam subseksyen (1), hendaklah menyebabkan suatu nota mengenai kewujudan perjanjian izin lalu itu dibuat pada dokumen hakmilik daftaran yang berhubungan dengan tanah yang disentuh oleh perjanjian izin lalu itu.

(3) Jika sesuatu perjanjian izin lalu adalah berhubungan dengan tanah yang merupakan suatu tanah pegangan yang termasuk dalam Daftar Interim—

(a) subseksyen (2) hendaklah terpakai seolah-olah “Pendaftar” dan “dokumen hakmilik daftaran” masing-masingnya telah digantikan dengan “Pesuruhjaya” dan “folio yang berkenaan dalam Daftar Interim”; dan

(b) apabila dokumen hakmilik tetap dikeluarkan bagi tanah itu di bawah seksyen 39 Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 [*Akta 518*], apa-apa nota yang dibuat menurut subseksyen (2) sebagaimana yang diubah oleh perenggan (a) hendaklah (jika nota itu masih

berkuat kuasa sebelum sahaja pengeluaran dokumen itu) dicatatkan oleh Pesuruhjaya pada dokumen hakmilik daftaran dan hendaklah terus berkuat kuasa seolah-olah nota itu telah dicatatkan di bawah subseksyen itu.

(4) Selagi masih ada pada dokumen hakmilik daftaran atau folio yang berkenaan dalam Daftaran Interim suatu nota yang dibuat menurut subseksyen (2) atau (3), segala urus niaga berkenaan dengan tanah yang dimaksudkan oleh nota itu hendaklah disifatkan tertakluk kepada hak pemegang lesen di bawah dan menurut kuasa perjanjian izin lalu yang berkenaan dengannya nota itu telah dibuat.

(5) Dalam subseksyen ini—

“Pesuruhjaya” dan “Daftar Interim” masing-masingnya mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963.

Pampasan

28. (1) Amaun pampasan, jika ada, yang kena dibayar di bawah seksyen 23, 24, atau 25 hendaklah ditaksiran oleh Pentadbir Tanah Daerah selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya mencukupi. Taksiran itu hendaklah pada matannya mengikut bentuk yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga:

Dengan syarat bahawa tiada pampasan kena dibayar oleh pemegang lesen penggasan semula, pengangkutan, pengagihan atau peruncitan berkenaan dengan mana-mana pokok dalam jarak lima puluh kaki dari garis tengah mana-mana jalan yang dibina atau disenggara oleh Kerajaan Negeri atau oleh mana-mana pihak berkuasa tempatan melainkan jika dibuktikan bahawa pokok itu telah sedia ada sebelum pembinaan jalan itu.

(2) Mana-mana orang yang terkilan dengan taksiran Pentadbir Tanah Daerah boleh dalam masa dua puluh satu hari selepas taksiran

itu merayu kepada Pihak Berkuasa Negeri yang keputusannya adalah muktamad.

BAHAGIAN VIA

AMALAN AM PERSAINGAN

Bab 1

Tafsiran dan pemakaian

Tafsiran

28A. Bagi maksud Bahagian ini—

“aktiviti komersial” ertinya apa-apa aktiviti yang bersifat komersial yang termasuk dalam skop Akta tetapi tidak termasuk—

- (a) apa-apa aktiviti, secara langsung atau tidak langsung dalam penjalanan kuasa kerajaan;
- (b) apa-apa aktiviti yang dijalankan berdasarkan pada prinsip perpaduan; dan
- (c) apa-apa pembelian gas atau perkhidmatan yang bukan bagi maksud untuk menawarkan gas atau perkhidmatan sebagai sebahagian daripada suatu aktiviti ekonomi;

“amalan bersepadu” ertinya apa-apa bentuk koordinasi antara orang, termasuklah pemegang lesen, yang dengan diketahuinya menggantikan kerjasama amali antara mereka untuk risiko persaingan dan termasuklah apa-apa amalan yang melibatkan hubungan atau komunikasi secara langsung atau tidak langsung antara orang, termasuklah pemegang lesen, yang matlamat atau kesannya ialah sama ada—

- (a) untuk mempengaruhi perlakuan seseorang atau lebih, termasuklah pemegang lesen, dalam suatu pasaran; atau

- (b) untuk mendedahkan perjalanan perlakuan yang diputuskan untuk diambil oleh seseorang, termasuklah pemegang lesen, atau yang hendak diambil olehnya dalam suatu pasaran, dalam hal keadaan yang pendedahan itu tidak akan dibuat dalam keadaan biasa persaingan;

“kedudukan dominan” ertinya suatu keadaan yang dalamnya seseorang atau lebih, termasuklah pemegang lesen, mempunyai kuasa yang signifikan dalam suatu pasaran untuk melaraskan harga atau output atau terma perdagangan, tanpa kekangan yang berkesan daripada pesaing atau pesaing berpotensi;

“orang, termasuklah pemegang lesen” ertinya apa-apa entiti yang menjalankan aktiviti komersial dan suatu syarikat induk dan subsidiari hendaklah diambil kira sebagai seseorang, termasuklah pemegang lesen jika, walaupun mempunyai entiti berasingan di sisi undang-undang, kedua-duanya membentuk suatu unit ekonomi tunggal yang dalamnya subsidiari itu tidak mempunyai autonomi sebenar dalam menentukan tindakan mereka dalam pasaran;

“pasaran” ertinya pasaran gas di Malaysia atau di mana-mana bahagian Malaysia, dan apabila digunakan berhubung dengan kemudahan atau perkhidmatan berkaitan gas, termasuklah suatu pasaran bagi kemudahan atau perkhidmatan itu dan kemudahan-kemudahan atau perkhidmatan-perkhidmatan yang boleh digantikan, atau selainnya bersaing dengan, kemudahan atau perkhidmatan yang mula-mula disebut itu;

“perjanjian” ertinya apa-apa bentuk kontrak, perkiraan atau persefahaman, sama ada boleh atau tidak boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang, antara mana-mana orang, termasuklah pemegang lesen, dan termasuklah suatu keputusan oleh suatu persatuan dan amalan bersepaktu;

“perjanjian mendatar” ertinya suatu perjanjian antara orang, termasuk pemegang lesen, yang setiapnya beroperasi pada peringkat yang sama dalam rantaian nilai gas;

“perjanjian menegak” ertiinya suatu perjanjian antara orang, termasuklah pemegang lesen, yang setiapnya beroperasi pada peringkat yang berlainan dalam rantaian nilai gas;

“rantaian nilai gas” termasuklah sistem penghantaran gas dan pengimportan ke terminal penggasan semula, penggasan semula, pengiriman, pengangkutan, pengagihan, peruncitan atau penggunaan gas melalui sistem perpaipan.

Pemakaian Bahagian VIA

28B. Bahagian VIA ini terpakai bagi apa-apa aktiviti komersial, di dalam dan di luar Malaysia, yang mempunyai kesan terhadap persaingan dalam pasaran di Malaysia.

Bab 2

Perjanjian antipersaingan

Perjanjian yang dilarang

28C. (1) Mana-mana perjanjian mendatar atau menegak yang pada pendapat Suruhanjaya mempunyai matlamat atau kesan yang menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam pasaran adalah dilarang.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), suatu perjanjian mendatar antara orang, termasuklah pemegang lesen yang mempunyai matlamat untuk—

(a) menetapkan, secara langsung atau tidak langsung, suatu harga belian atau jualan gas atau apa-apa syarat perdagangan gas yang lain;

(b) membataskan atau mengawal—

(i) pengeluaran;

- (ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;
 - (iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau
 - (iv) pelaburan dalam industri gas;
- (a) berkongsi pasaran atau sumber bekalan gas; atau
 - (b) melakukan tipuan bida,

disifatkan mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam pasaran.

(3) Mana-mana orang, termasuklah pemegang lesen, yang merupakan suatu pihak kepada suatu perjanjian yang dilarang di bawah seksyen ini adalah bertanggungan bagi pelanggaran larangan itu.

(4) Seksyen ini hanya terpakai bagi perjanjian yang mempunyai kesan di Malaysia pada atau selepas tarikh Akta ini dikuatkuasakan.

Pelepasan liabiliti

28D. Walau apa pun seksyen 28c, seseorang, termasuklah pemegang lesen, yang merupakan suatu pihak kepada suatu perjanjian boleh melepaskan liabilitinya bagi pelanggaran larangan di bawah seksyen 28c berdasarkan sebab-sebab yang berikut:

- (a) terdapat faedah yang signifikan yang dapat dikenal pasti dari segi teknologi, kecekapan atau sosial yang berbangkit daripada perjanjian itu;
- (b) faedah itu tidak dapat semunasabahnya diberikan oleh pihak-pihak kepada perjanjian itu yang tanpa perjanjian itu mempunyai kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan;

- (c) kesan buruk perjanjian itu pada persaingan adalah bersekadar dengan faedah yang diberikan; dan
- (d) perjanjian itu tidak membenarkan orang, termasuklah pemegang lesen, yang berkenaan untuk menghapuskan persaingan sama sekali berkenaan dengan sebahagian besar daripada aktiviti yang dilesenkan di bawah seksyen 11.

Pengecualian individu

28E. (1) Seseorang, termasuklah pemegang lesen, boleh memohon kepada Suruhanjaya untuk suatu pengecualian berkenaan dengan suatu perjanjian tertentu daripada larangan di bawah seksyen 28C.

(2) Suruhanjaya boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, memberikan pengecualian itu jika, pada pendapat Suruhanjaya, perjanjian itu ialah perjanjian yang seksyen 28D terpakai baginya.

(3) Suatu pengecualian yang diberikan di bawah seksyen ini disebut “pengecualian individu”.

(4) Pengecualian individu yang diberikan oleh Suruhanjaya boleh—

- (a) tertakluk kepada apa-apa syarat atau obligasi yang difikirkan sesuai dikenakan oleh Suruhanjaya; dan

- (b) diberikan bagi suatu tempoh terhad sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

(5) Suatu pengecualian individu boleh memperuntukkan bahawa ia akan berkuat kuasa dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tarikh perintah itu dibuat.

(6) Jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa—

- (a) terdapat suatu perubahan material pada hal keadaan sejak Suruhanjaya memberikan suatu pengecualian individu; atau
- (b) suatu obligasi telah dilanggar,

Suruhanjaya boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*—

- (i) membatalkan pengecualian individu itu;
- (ii) mengubah atau mengeluarkan apa-apa syarat atau obligasi; atau
- (iii) mengenakan syarat atau obligasi tambahan.

(7) Jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa—

- (a) maklumat yang berasaskannya Suruhanjaya membuat keputusan untuk memberikan suatu pengecualian individu itu adalah palsu atau mengelirukan dalam hal perkara material; atau

- (b) apa-apa syarat telah dilanggar,

Suruhanjaya boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membatalkan pengecualian individu itu.

(8) Apa-apa tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (6) hendaklah berkuat kuasa dari tarikh perintah itu dibuat.

(9) Suatu pengecualian individu yang dibatalkan—

- (a) menurut kuasa perenggan (7)(a) adalah terbatal *ab initio*; atau
- (b) menurut kuasa perenggan (7)(b) hendaklah berkuat kuasa dari tarikh syarat itu dilanggar.

Pengecualian blok

28F. (1) Jika perjanjian yang tergolong dalam suatu kategori perjanjian tertentu berkemungkinan, pada pendapat Suruhanjaya, merupakan perjanjian yang baginya seksyen 28D terpakai, Suruhanjaya boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, memberikan suatu pengecualian kepada kategori perjanjian tertentu itu.

(2) Suatu pengecualian yang diberikan di bawah seksyen ini disebut “pengecualian blok”.

(3) Suatu perjanjian yang tergolong dalam suatu kategori yang dinyatakan dalam suatu pengecualian blok adalah dikecualikan daripada larangan di bawah seksyen 28C.

(4) Suruhanjaya dalam memberikan pengecualian blok boleh mengenakan apa-apa syarat atau obligasi yang tertakluk kepadanya suatu pengecualian blok itu berkuat kuasa.

(5) Suatu pengecualian blok boleh memperuntukkan bahawa—

(a) jika terdapat suatu pelanggaran syarat yang dikenakan oleh pengecualian blok itu, Suruhanjaya boleh, dengan notis secara bertulis, membatalkan pengecualian blok itu berkenaan dengan perjanjian itu dari tarikh pelanggaran itu;

(b) jika terdapat suatu kegagalan untuk mematuhi obligasi yang dikenakan oleh pengecualian blok itu, Suruhanjaya boleh, dengan notis secara bertulis, membatalkan pengecualian blok itu berkenaan dengan perjanjian itu;

(c) jika Suruhanjaya berpendapat bahawa suatu perjanjian tertentu bukan suatu perjanjian yang baginya seksyen 28D terpakai, Suruhanjaya boleh, melalui notis secara bertulis, membatalkan pengecualian blok itu berkenaan dengan perjanjian itu dari apa-apa tarikh yang ditentukan oleh Suruhanjaya;

- (d) pengecualian blok itu hendaklah terhenti berkuat kuasa pada penghujung tempoh yang dinyatakan dalam perintah itu; atau
- (e) pengecualian blok itu hendaklah berkuat kuasa dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tarikh perintah itu dibuat.

Bab 3

Penyalahgunaan kedudukan dominan

Penyalahgunaan kedudukan dominan

28G. (1) Apa-apa perlakuan oleh seseorang atau lebih, termasuklah pemegang lesen, yang berupa suatu penyalahgunaan kedudukan dominan dalam pasaran adalah dilarang.

(2) Tanpa menjaskan kluasan subseksyen (1), suatu penyalahgunaan kedudukan dominan boleh termasuk—

- (a) secara langsung atau tidak langsung mengenakan harga belian atau jualan yang tidak adil atau syarat perdagangan lain yang tidak adil ke atas mana-mana pihak berhubung dengan penghantaran gas atau penggunaan kemudahan dalam pasaran;
- (b) membataskan atau mengawal pengeluaran, akses pasaran, pembangunan teknikal atau teknologi, atau pelaburan dalam industri gas sehingga memudaratkan orang, termasuklah pemegang lesen;
- (c) mengenakan syarat yang berlainan kepada transaksi yang setara dengan pihak perdagangan yang lain sehingga menyebabkan pihak perdagangan yang lain berdaya saing yang lemah; atau

- (d) menjadikan pemeteraiyan perjanjian tertakluk kepada penerimaan oleh pihak lain akan tanggungjawab yang, melalui sifatnya atau penggunaan komersialnya, tidak mempunyai sebarang kaitan dengan hal perkara perjanjian tersebut.
- (3) Seksyen ini tidak melarang seseorang, termasuklah pemegang lesen, yang dalam kedudukan dominan daripada mengambil apa-apa langkah yang mempunyai justifikasi komersial yang munasabah atau merupakan suatu respons komersial yang munasabah kepada kemasukan ke dalam pasaran atau perlakuan pasaran seorang pesaing.
- (4) Hakikat bahawa bahagian pasaran mana-mana orang, termasuklah pemegang lesen, adalah mengatasi atau di bawah apa-apa peringkat tertentu tidak dengan sendirinya boleh dianggap sebagai konklusif tentang sama ada orang, termasuklah pemegang lesen, itu berada, atau tidak berada, pada suatu kedudukan dominan dalam pasaran itu.

Suruhanjaya boleh mengeluarkan arahan kepada seseorang, termasuklah pemegang lesen, yang berada pada kedudukan dominan

28H. Suruhanjaya boleh mengeluarkan arahan kepada seseorang, termasuklah pemegang lesen, yang berada pada kedudukan dominan dalam pasaran untuk menghentikan tingkah laku yang mempunyai, atau mungkin mempunyai, kesan yang menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan atau yang berupa suatu penyalahgunaan kedudukan dominannya dalam pasaran.

Bab 4

Kajian semula pasaran

Kuasa untuk menjalankan kajian semula pasaran

28I. (1) Suruhanjaya boleh, atas inisiatifnya sendiri atau atas permintaan Menteri, menjalankan suatu kajian semula terhadap

pasaran untuk menentukan sama ada apa-apa ciri atau gabungan ciri pasaran menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan dalam pasaran.

(2) Kajian semula itu termasuklah kajian mengenai—

- (a) struktur pasaran yang berkenaan;
- (b) perlakuan orang, termasuklah pemegang lesen, dalam pasaran;
- (c) perlakuan pembekal dan pelanggan kepada orang, termasuklah pemegang lesen, dalam pasaran; atau
- (d) apa-apa perkara lain yang berkaitan.

(3) Apabila selesai kajian semula pasaran itu, Suruhanjaya boleh menyiarkan laporan dapatan dan syornya dan laporan itu boleh dijadikan tersedia kepada orang awam.

Bab 5

Keputusan oleh Suruhanjaya

Langkah interim

28J. (1) Seksyen ini terpakai jika Suruhanjaya telah memulakan tetapi belum menyelesaikan suatu penyiasatan di bawah seksyen 6.

(2) Jika Suruhanjaya mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana larangan di bawah seksyen 28C atau 28G telah dilanggar atau mungkin dilanggar dan Suruhanjaya fikirkan perlu bagi Suruhanjaya untuk bertindak di bawah seksyen ini oleh sebab perkara keterdesakan bagi maksud—

- (a) menghalang kerugian serius dan tidak boleh dibaiki dari segi ekonomi atau selainnya, kepada seseorang atau suatu kategori orang tertentu; atau

- (b) melindungi kepentingan awam,

Suruhanjaya boleh memberikan suatu arahan yang Suruhanjaya fikirkan sesuai dan bersekadar bagi maksud itu mengikut seksyen 37C.

(3) Suatu arahan yang diberikan di bawah subseksyen (2) boleh termasuk menghendaki atau menyebabkan mana-mana orang—

- (a) untuk menggantung kuat kuasa, dan menghentikan daripada bertindak mengikut, mana-mana perjanjian yang disyaki melanggar mana-mana larangan di bawah seksyen 28C atau 28G;
- (b) untuk menghentikan daripada apa-apa perlakuan yang disyaki melanggar mana-mana larangan di bawah seksyen 28C atau 28G; atau
- (c) untuk membuat, atau menahan diri daripada membuat, apa-apa perbuatan, tetapi yang tidak menghendaki pembayaran wang.

(4) Suruhanjaya hendaklah, sebelum memberikan suatu arahan di bawah subseksyen (2)—

- (a) menyampaikan suatu notis bertulis kepada orang yang kepadanya Suruhanjaya bercadang untuk memberikan arahan itu; dan
- (b) memberi orang itu suatu peluang untuk membuat representasi bertulis dalam tempoh sekurang-kurangnya tujuh hari dari tarikh notis bertulis itu.

(5) Suatu notis di bawah subseksyen (4) hendaklah menunjukkan jenis arahan yang dicadangkan untuk diberikan oleh Suruhanjaya dan sebab-sebab bagi pemberian arahan itu.

(6) Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa menarik balik suatu arahan yang diberikan di bawah subseksyen (2).

(7) Tanpa menjelaskan subseksyen (6), mana-mana arahan yang diberikan di bawah subseksyen (2) hendaklah terhenti berkuat kuasa—

(a) pada tarikh keputusan oleh Suruhanjaya selepas selesai siasatannya; atau

(b) dua belas bulan dari tarikh arahan itu diberikan,

mengikut mana-mana yang lebih awal.

Keputusan yang dicadangkan oleh Suruhanjaya

28K. (1) Jika, selepas selesai penyiasatan, Suruhanjaya bercadang untuk membuat suatu keputusan bahawa salah satu larangan di bawah seksyen 28C atau 28G telah atau sedang dilanggar, Suruhanjaya hendaklah memberikan notis bertulis mengenai keputusan yang dicadangkannya kepada setiap orang, termasuklah pemegang lesen, yang mungkin tersentuh secara langsung oleh keputusan itu.

(2) Notis itu hendaklah—

(a) menyatakan sebab bagi keputusan yang dicadangkan oleh Suruhanjaya dengan perincian yang mencukupi bagi membolehkan orang, termasuklah pemegang lesen, yang kepadanya notis itu diberikan mempunyai prospek yang benar dan mencukupi untuk membolehkannya membuat komen mengenai keputusan yang dicadangkan berdasarkan maklumat yang diketahui;

(b) menyatakan apa-apa penalti atau tindakan pembetulan yang dicadangkan untuk dipakai oleh Suruhanjaya; dan

(c) memberitahu setiap orang, termasuklah pemegang lesen, yang kepadanya notis itu diberikan bahawa orang itu, termasuklah pemegang lesen, boleh, dalam apa-apa tempoh

yang munasabah sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu—

- (i) mengemukakan representasi bertulis kepada Suruhanjaya; dan
- (ii) menunjukkan sama ada seseorang, termasuklah pemegang lesen berhasrat untuk membuat representasi lisan di hadapan Suruhanjaya.

Representasi lisan

28L. Jika seseorang, termasuklah pemegang lesen, memberitahu Suruhanjaya, dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis yang diberikan di bawah seksyen 28K bahawa dia berhasrat untuk membuat suatu representasi lisan, Suruhanjaya hendaklah, sebelum membuat apa-apa keputusan yang berkaitan—

- (a) memanggil suatu sesi bagi representasi lisan untuk diadakan pada suatu tarikh, masa dan di tempat yang ditentukan oleh Suruhanjaya; dan
- (b) memberikan notis bertulis tentang tarikh, masa dan tempat itu kepada—
 - (i) orang, termasuklah pemegang lesen, yang berkenaan;
 - (ii) mana-mana orang yang telah membuat suatu aduan dengan Suruhanjaya berkenaan dengan amalan yang menjadi perkara penyiasatan Suruhanjaya; dan
 - (iii) mana-mana orang lain yang kehadirannya di sesi representasi lisan itu dianggap perlu oleh Suruhanjaya.

Penjalanan pendengaran

28M. (1) Walau apa pun seksyen 28L, Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa menjalankan suatu pendengaran bagi maksud menentukan sama ada seseorang, termasuklah pemegang lesen, telah melanggar atau sedang melanggar mana-mana larangan di bawah seksyen 28C atau 28G.

(2) Jika Suruhanjaya memutuskan bahawa suatu pendengaran hendaklah diadakan, ia hendaklah memberikan suatu notis sekurang-kurangnya empat belas hari kepada orang itu, termasuklah pemegang lesen, yang berkenaan dan kepada pihak ketiga lain yang berkepentingan—

- (a) yang merekodkan keputusannya untuk memanggil pendengaran itu;
- (b) yang menyatakan tarikh, masa dan tempat bagi mengadakan pendengaran itu; dan
- (c) yang menentukan perkara yang akan dipertimbangkan pada pendengaran itu.

(3) Apabila Suruhanjaya memutuskan untuk mengadakan suatu pendengaran, ia hendaklah juga memutuskan—

- (a) sama ada untuk mengadakan pendengaran individu dengan setiap orang itu, termasuklah pemegang lesen, dan mana-mana pihak ketiga lain yang berkepentingan secara berasingan atau mengadakan suatu pendengaran tunggal yang dihadiri oleh semua orang, termasuklah pemegang lesen, yang terlibat dan pihak ketiga yang berkepentingan; dan
- (b) sama ada untuk mengadakan pendengaran—
 - (i) awam; atau

- (ii) secara sesi tertutup, bagi maksud melindungi maklumat rahsia.
- (4) Pendengaran itu hendaklah ditadbirkan oleh dan dijalankan mengikut kaedah-kaedah tatacara yang berkuat kuasa pada masa itu, sebagaimana yang disiarkan oleh Suruhanjaya.
- (5) Suruhanjaya hendaklah menyimpan rekod pendengaran itu sebagaimana yang mencukupi untuk menyatakan perkara yang dibangkitkan oleh mana-mana orang yang menyertai pendengaran itu.
- (6) Seseorang, termasuklah pemegang lesen, boleh diwakili pada pendengaran itu oleh—
- (a) mana-mana pegawai atau pekerja yang diberi kuasa;
 - (b) mana-mana peguam bela dan peguam cara;
 - (c) mana-mana orang yang termasuk dalam perihalan yang dinyatakan bagi maksud itu dalam kaedah-kaedah tatacara Suruhanjaya; atau
 - (d) mana-mana orang lain, dengan keizinan Ketua Pegawai Eksekutif.

Keputusan Suruhanjaya

28N. (1) Jika Suruhanjaya telah membuat keputusan bahawa tiada pelanggaran suatu larangan di bawah seksyen 28C atau 28G, Suruhanjaya hendaklah, tanpa kelengahan, memberikan notis keputusan itu kepada mana-mana orang yang tersentuh oleh keputusan itu menyatakan fakta yang berasaskannya Suruhanjaya membuat keputusannya dan sebab Suruhanjaya membuat keputusan itu.

(2) Jika Suruhanjaya memutuskan bahawa terdapat suatu pelanggaran suatu larangan di bawah seksyen 28C atau 28G, Suruhanjaya—

- (a) hendaklah menghendaki pelanggaran itu dihentikan serta-merta;
 - (b) boleh menyatakan langkah-langkah dikehendaki supaya perlu diambil oleh orang, termasuklah pemegang lesen, yang melanggar, yang pada hemat Suruhanjaya adalah sesuai bagi menghentikan pelanggaran itu;
 - (c) boleh mengenakan penalti kewangan; atau
 - (d) boleh memberikan apa-apa arahan lain yang Suruhanjaya fikirkan sesuai.
- (3) Suruhanjaya hendaklah, dalam tempoh dua puluh satu hari dari membuat keputusannya di bawah seksyen ini, memberitahu mana-mana orang yang tersentuh oleh keputusan itu.
- (4) Suruhanjaya hendaklah menyediakan dan menyiarkan sebab-sebab bagi setiap keputusan yang dibuatnya di bawah seksyen ini.
- (5) Suatu penalti kewangan tidak boleh melebihi—
- (a) dalam hal seseorang yang menjalankan suatu perniagaan atau seorang pemegang lesen, sepuluh peratus daripada pusing ganti seluruh dunia; atau
 - (b) dalam hal mana-mana orang lain, lima ratus ribu ringgit, sepanjang tempoh suatu pelanggaran berlaku.

Rejim kelonggaran

280. (1) Maka hendaklah ada suatu rejim kelonggaran, dengan suatu penurunan sehingga maksimum seratus peratus bagi apa-apa penalti yang akan dikenakan selainnya, yang boleh diadakan dalam kes mana-mana orang, termasuklah pemegang lesen, yang telah—

- (a) mengakui penglibatannya dalam suatu pelanggaran mana-mana larangan di bawah subseksyen 28C(2); dan
 - (b) memberikan maklumat atau bentuk kerjasama yang lain kepada Suruhanjaya yang membantu secara signifikan, atau mungkin membantu secara signifikan, dalam pengenalpastian atau penyiasatan apa-apa dapatkan pelanggaran mana-mana larangan oleh mana-mana orang, termasuklah pemegang lesen, yang lain.
- (2) Suatu rejim kelonggaran boleh membenarkan peratusan pengurangan yang berlainan diadakan bagi seseorang, termasuklah pemegang lesen, bergantung pada—
- (a) sama ada orang itu, termasuklah pemegang lesen, itu ialah orang yang pertama sekali membawa pelanggaran yang disyaki itu kepada perhatian Suruhanjaya;
 - (b) peringkat dalam penyiasatan apabila—
 - (i) suatu penglibatan dalam pelanggaran itu diakui; atau
 - (ii) apa-apa maklumat atau kerjasama lain telah diberikan; atau
 - (c) apa-apa hal keadaan lain yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya untuk diambil kira.

Penguatkuasaan arahan atau keputusan Suruhanjaya

28P. (1) Suruhanjaya boleh membawa prosiding di hadapan Mahkamah Tinggi terhadap mana-mana orang yang gagal mematuhi suatu arahan yang diberikan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 28H, 28J atau suatu keputusan di bawah seksyen 28N.

(2) Jika Mahkamah Tinggi mendapati bahawa orang yang disebut dalam subseksyen (1) telah gagal mematuhi arahan atau keputusan itu,

Mahkamah Tinggi hendaklah membuat suatu perintah menghendaki orang itu supaya mematuhi arahan atau keputusan itu.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), jika Mahkamah Tinggi mendapati bahawa ketidakpatuhan arahan itu termasuklah suatu kegagalan untuk membayar penalti dalam tempoh yang dinyatakan, Mahkamah Tinggi hendaklah, sebagai tambahan kepada perintah supaya orang itu membayar penalti itu, memerintahkan supaya orang itu membayar bunga atas kadar penghakiman biasa mulai dari hari selepas bayaran itu kena dibuat.

(4) Mana-mana pelanggaran suatu perintah Mahkamah Tinggi yang dibuat menurut seksyen ini boleh dihukum sebagai suatu penghinaan mahkamah.

Kuasa untuk menerima aku janji

28Q. (1) Suruhanjaya boleh, tertakluk kepada syarat-syarat yang boleh dikenakan oleh Suruhanjaya, menerima daripada seseorang, termasuklah pemegang lesen, suatu aku janji untuk membuat atau menahan diri daripada membuat apa-apa jua yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya.

(2) Jika Suruhanjaya menerima aku janji di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya hendaklah, berhubung dengan suatu pelanggaran, menutup penyiasatan itu tanpa membuat apa-apa dapatan pelanggaran dan tidak boleh mengenakan suatu penalti ke atas orang itu, termasuklah pemegang lesen itu.

(3) Mana-mana aku janji yang diterima oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini ialah suatu dokumen yang tersedia untuk diperiksa oleh orang awam mengikut cara yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(4) Peruntukan mana-mana aku janji yang diterima oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini hendaklah boleh dikuatkuasakan oleh Suruhanjaya seolah-olah peruntukan itu telah dinyatakan dalam

suatu keputusan yang diberikan kepada orang itu, termasuklah pemegang lesen, yang memberikan aku janji itu menurut seksyen 28N.

Bab 6

Tribunal Rayuan Persaingan Gas

Penubuhan dan keanggotaan Tribunal Rayuan Persaingan Gas

28R. (1) Suatu Tribunal Rayuan Persaingan Gas ditubuhkan yang hendaklah mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk mengkaji semula apa-apa keputusan yang dibuat oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 28J dan 28N.

(2) Tribunal Rayuan Persaingan Gas hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

(a) seorang Presiden; dan

(b) lima anggota lain yang dilantik oleh Menteri.

(3) Menteri hendaklah, atas penamaan oleh Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, melantik seorang hakim Mahkamah Tinggi untuk menjadi Presiden Tribunal Rayuan Persaingan Gas.

(4) Menteri hendaklah melantik orang yang, pada pendapatnya, mempunyai kepakaran yang berkaitan dalam industri, perdagangan, ekonomi, undang-undang, perakaunan, atau hal ehwal pengguna untuk menjadi anggota Tribunal Rayuan Persaingan Gas.

(5) Menteri boleh mengambil kira cadangan dan syor oleh mana-mana agensi Kerajaan atau mana-mana badan lain yang mempunyai kepakaran dalam mana-mana perkara yang disebut dalam subseksyen (4).

(6) Presiden dan anggota Tribunal Rayuan Persaingan Gas hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi enam tahun.

Elaun

28s. Presiden dan anggota Tribunal Rayuan Persaingan Gas yang dilantik di bawah seksyen 28R bolehlah dibayar—

- (a) suatu elaun bersidang harian semasa persidangan Tribunal Rayuan Persaingan Gas;
- (b) suatu elaun penginapan, perjalanan dan sara hidup; dan
- (c) apa-apa elaun tetap atau elaun lain,

sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Peletakan jawatan dan pembatalan pelantikan

28t. (1) Presiden atau mana-mana anggota lain Tribunal Rayuan Persaingan Gas boleh meletakkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis enam puluh hari kepada Menteri.

(2) Menteri boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan Presiden atau mana-mana anggota lain Tribunal Rayuan Persaingan Gas jika Presiden atau anggota itu—

- (a) tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk melaksanakan tugasnya atau menguruskan hal ehwalnya;
- (b) menjadi bankrap atau tidak solven;
- (c) telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan
 - (i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau

- (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemerintahan (sama ada pemerintahan sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;
- (d) telah melakukan salah laku yang serius berhubung dengan tugasnya;
- (e) tidak mematuhi obligasinya di bawah seksyen 28V; atau
- (f) mempunyai prestasi yang tidak memuaskan selama suatu tempoh masa yang ketara.

Pengosongan jawatan dan pelantikan baharu atau sementara

28U. (1) Jawatan Presiden atau mana-mana anggota lain Tribunal Rayuan Persaingan Gas hendaklah menjadi kosong jika—

- (a) dia mati;
 - (b) dia meletakkan jawatannya atau selainnya mengosangkan jawatannya sebelum habis tempoh yang baginya dia dilantik; atau
 - (c) pelantikannya dibatalkan di bawah seksyen 28T.
- (2) Menteri hendaklah melantik seseorang lain mengikut seksyen 28R untuk menggantikan Presiden atau mana-mana anggota lain Tribunal Rayuan Persaingan Gas semasa kekosongan jawatan Presiden atau anggota Tribunal Rayuan Persaingan Gas.

(3) Menteri boleh melantik seseorang lain secara sementara mengikut seksyen 28R untuk bertindak sebagai Presiden atau mana-mana anggota lain Tribunal Rayuan Persaingan Gas—

- (a) semasa apa-apa tempoh apabila Presiden atau anggota tidak hadir bertugas atau tidak ada di Malaysia; atau

- (b) jika Presiden atau anggota, kerana apa-apa sebab lain, tidak berupaya untuk melaksanakan tugas jawatannya secara sementara.
- (4) Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil oleh Tribunal Rayuan Persaingan Gas dalam penjalanan kuasanya atau pelaksanaan fungsinya boleh terjejas atas alasan terdapat apa-apa kekosongan dalam keanggotaan Tribunal Rayuan Persaingan Gas.

Penzahiran kepentingan

28v. (1) Seseorang anggota Tribunal Rayuan Persaingan Gas hendaklah menzahirkan, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, kepada Presiden mengenai apa-apa kepentingan, sama ada substansial atau tidak, yang mungkin bercanggah dengan tugas anggota itu sebagai anggota Tribunal Rayuan Persaingan Gas dalam sesuatu perkara tertentu.

(2) Jika Presiden berpendapat bahawa kepentingan anggota itu bercanggah dengan tugas anggota itu sebagai anggota Tribunal Rayuan Persaingan Gas, Presiden hendaklah memaklumkan semua pihak kepada perkara itu mengenai percanggahan itu.

(3) Jika tiada pihak kepada perkara itu membantah mengenai percanggahan itu, anggota itu boleh terus melaksanakan tugasnya sebagai anggota Tribunal Rayuan Persaingan Gas berhubung dengan perkara itu.

(4) Jika sesuatu pihak kepada perkara itu membantah mengenai percanggahan itu, anggota Tribunal Rayuan Persaingan Gas itu tidak boleh meneruskan pelaksanaan tugasnya sebagai anggota Tribunal Rayuan Persaingan Gas berhubung dengan perkara itu.

(5) Jika anggota itu dilarang daripada melaksanakan tugasnya di bawah subseksyen (4), Presiden hendaklah melantik seorang anggota lain Tribunal Rayuan Persaingan Gas untuk melaksanakan tugas berhubung dengan perkara itu.

(6) Jika Presiden mempunyai apa-apa kepentingan, sama ada substansial atau tidak, yang mungkin bercanggah dengan tugasnya sebagai Presiden Tribunal Rayuan Persaingan Gas dalam sesuatu perkara tertentu, dia hendaklah menahan diri daripada melaksanakan tugasnya sebagai Presiden berhubung dengan perkara itu.

(7) Kegagalan Presiden untuk menahan diri daripada melaksanakan tugasnya di bawah subseksyen (6) atau kegagalan seorang anggota untuk menzahirkan kepentingannya hendaklah—

- (a) menidaksahkan keputusan Tribunal Rayuan Persaingan Gas itu melainkan jika semua pihak bersetuju untuk terikat dengan keputusan itu; dan
- (b) menjadikan Presiden atau anggota itu tertakluk kepada pembatalan pelantikannya di bawah seksyen 28T.

Setiausaha Tribunal Rayuan Persaingan Gas dan pegawai lain

28w. (1) Menteri hendaklah melantik seorang Setiausaha Tribunal Rayuan Persaingan Gas.

(2) Menteri boleh menetapkan apa-apa bilangan pegawai awam yang Menteri fikirkan layak untuk membantu Setiausaha.

(3) Bagi maksud Akta ini, Setiausaha dan pegawai yang ditetapkan di bawah subseksyen (2) hendaklah disifatkan sebagai pegawai Tribunal Rayuan Persaingan Gas.

Rayuan kepada Tribunal Rayuan Persaingan Gas

28x. (1) Seseorang yang terkilan atau yang kepentingannya tersentuh oleh suatu keputusan Suruhanjaya di bawah seksyen 28J dan 28N boleh merayu kepada Tribunal Rayuan Persaingan Gas dengan memfailkan suatu notis rayuan kepada Tribunal Rayuan Persaingan Gas.

(2) Suatu notis rayuan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Tribunal Rayuan Persaingan Gas dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh keputusan Suruhanjaya dan perayu hendaklah memberikan suatu salinan notis itu kepada Ketua Pegawai Eksekutif.

(3) Notis rayuan itu hendaklah menyatakan dalam bentuk ringkasan kandungan keputusan Suruhanjaya yang dirayukan, hendaklah mengandungi suatu alamat di mana apa-apa notis atau dokumen yang berkaitan dengan rayuan itu boleh disampaikan kepada perayu itu atau peguam belanya dan hendaklah ditandatangani oleh perayu itu atau peguam belanya.

Rekod keputusan Suruhanjaya

28v. (1) Orang yang terkilan atau orang yang kepentingannya tersentuh yang disebut dalam seksyen 28x boleh, atas inisiatifnya sendiri, meminta secara bertulis kepada Suruhanjaya untuk mendapatkan suatu pernyataan mengenai alasan bagi keputusan Suruhanjaya.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), Suruhanjaya hendaklah, apabila diterimanya permintaan bertulis di bawah subseksyen (1), memberikan suatu salinan penyataan mengenai alasan bagi keputusannya kepada orang yang terkilan atau orang yang kepentingannya tersentuh itu apabila dibayar fi yang ditetapkan.

(3) Apabila suatu notis rayuan telah difailkan dengan Tribunal Rayuan Persaingan Gas di bawah seksyen 28x, Suruhanjaya hendaklah, jika Suruhanjaya belum lagi menulis alasan bagi keputusannya mengenai perkara yang dinyatakan dalam notis itu sebagaimana yang diminta oleh perayu di bawah subseksyen (1), merekodkan secara bertulis alasan bagi keputusannya dan alasan bertulis itu hendaklah menjadi sebahagian daripada rekod prosiding di hadapan Tribunal Rayuan Persaingan Gas.

Penggantungan keputusan sementara menunggu rayuan

28Z. (1) Sementara menunggu keputusan suatu rayuan oleh Tribunal Rayuan Persaingan Gas, suatu keputusan Suruhanjaya adalah sah, mengikat dan boleh dikuatkuasakan kecuali jika suatu penggantungan keputusan Suruhanjaya telah dipohon oleh perayu dan dibenarkan oleh Tribunal Rayuan Persaingan Gas.

(2) Suatu permohonan untuk penggantungan hendaklah secara bertulis dan hendaklah dibuat kepada Tribunal Rayuan Persaingan Gas pada atau selepas hari notis rayuan itu difailkan dengan Tribunal Rayuan Persaingan Gas.

Komposisi dan persidangan Tribunal Rayuan Persaingan Gas

28AA. (1) Tiap-tiap prosiding Tribunal Rayuan Persaingan Gas hendaklah didengar dan dibereskan oleh tiga orang anggota Tribunal Rayuan Persaingan Gas sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Presiden dalam mana-mana hal tertentu.

(2) Tribunal Rayuan Persaingan Gas hendaklah bersidang pada apa-apa tarikh dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Presiden dari semasa ke semasa.

(3) Presiden boleh membatalkan atau menangguhkan mana-mana persidangan Tribunal Rayuan Persaingan Gas dan boleh menukar tempat persidangan yang telah ditentukan di bawah subseksyen (2).

(4) Apa-apa perubahan kepada tarikh atau tempat mana-mana persidangan Tribunal Rayuan Persaingan Gas hendaklah dimaklumkan kepada pihak-pihak kepada rayuan itu melalui notis bertulis.

Tatacara dan kuasa Tribunal Rayuan Persaingan Gas

28AB. (1) Tribunal Rayuan Persaingan Gas hendaklah memutuskan tatacaranya sendiri.

- (2) Tribunal Rayuan Persaingan Gas hendaklah mempunyai kuasa—
- (a) untuk memanggil pihak-pihak kepada prosiding atau mana-mana orang lain untuk hadir di hadapannya untuk memberikan keterangan berkenaan dengan sesuatu rayuan;
 - (b) untuk mendapatkan dan menerima keterangan secara bersumpah atau ikrar, sama ada secara lisan atau dokumentar, dan memeriksa semua orang sedemikian sebagai saksi sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Tribunal Rayuan Persaingan Gas;
 - (c) jika seseorang dipanggil sedemikian, untuk menghendaki pengemukaan apa-apa maklumat, dokumen atau benda lain dalam miliknya atau di bawah kawalannya yang difikirkan perlu oleh Tribunal Rayuan Persaingan Gas bagi maksud rayuan itu;
 - (d) untuk mengendalikan apa-apa sumpah, ikrar atau akuan berkanun, mengikut kehendak keadaan;
 - (e) jika seseorang dipanggil sedemikian, untuk membenarkan pembayaran apa-apa perbelanjaan yang munasabah yang dilakukan berkaitan dengan kehadirannya;
 - (f) untuk menerima keterangan atau menolak keterangan yang dikemukakan, sama ada secara lisan atau dokumentar, dan sama ada boleh diterima atau tidak boleh diterima di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa yang berhubungan dengan kebolehtenerimaan keterangan; dan
 - (g) untuk secara amnya mengarahkan dan melakukan segala perkara yang perlu atau suai manfaat bagi mempercepat keputusan rayuan.

(3) Tribunal Rayuan Persaingan Gas hendaklah mempunyai kuasa mahkamah rendah di bawah Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*] berkenaan dengan penguatkuasaan kehadiran saksi, pendengaran keterangan secara bersumpah atau ikrar dan menjatuhkan hukuman kerana penghinaan mahkamah.

Keputusan Tribunal Rayuan Persaingan Gas

28AC. (1) Keputusan Tribunal Rayuan Persaingan Gas, tentang apa-apa perkara, hendaklah diputuskan mengikut majoriti anggotanya.

(2) Tribunal Rayuan Persaingan Gas boleh mengesahkan atau mengetepikan keputusan yang menjadi hal bagi rayuan itu, atau mana-mana bahagiannya, dan boleh—

- (a) meremitkan perkara itu kepada Suruhanjaya;
- (b) mengenakan atau membatalkan, atau mengubah amaun, suatu penalti kewangan;
- (c) memberikan apa-apa arahan, atau mengambil apa-apa langkah lain sebagaimana yang boleh diberikan atau diambil oleh Suruhanjaya sendiri; atau
- (d) membuat apa-apa keputusan lain yang boleh dibuat oleh Suruhanjaya sendiri.

(3) Suatu keputusan Tribunal Rayuan Persaingan Gas adalah muktamad dan mengikat pihak-pihak kepada rayuan itu.

Penguatkuasaan keputusan Tribunal Rayuan Persaingan Gas

28AD. Suatu keputusan yang diberikan oleh Tribunal Rayuan Persaingan Gas boleh, dengan kebenaran Mahkamah Tinggi, dikuatkuasakan dengan cara yang sama seperti suatu penghakiman atau perintah yang mempunyai kesan yang sama, dan jika kebenaran

diberikan sedemikian, penghakiman boleh dimasukkan mengikut terma keputusan itu.

Bab 7

Am

Hak tindakan persendirian

28AE. (1) Mana-mana orang yang mengalami kehilangan atau kerugian secara langsung akibat suatu pelanggaran mana-mana larangan di bawah seksyen 28C atau 28G mempunyai hak tindakan bagi relief dalam prosiding sivil dalam mahkamah di bawah seksyen ini terhadap mana-mana orang, termasuklah pemegang lesen, yang atau pada masa material itu menjadi suatu pihak kepada pelanggaran itu.

(2) Tindakan boleh dibawa oleh mana-mana orang yang disebut di bawah subseksyen (1) tanpa mengira sama ada orang itu berurusan secara langsung atau tidak langsung dengan orang itu, termasuklah pemegang lesen itu.

Peraturan-peraturan berkaitan dengan perkara persaingan di bawah Bahagian VIA yang dibuat oleh Menteri

28AF. (1) Menteri boleh, membuat apa-apa peraturan-peraturan yang perlu atau suai manfaat bagi—

- (a) melaksanakan sepenuhnya peruntukan Bahagian VIA;
- (b) menjalankan atau mencapai matlamat dan maksud Bahagian VIA; dan
- (c) mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara tambahan, sampingan atau berbangkit berhubung dengan Bahagian VIA.

- (2) Menteri boleh, sebelum membuat apa-apa peraturan-peraturan—
- (a) menyiaran suatu notis mengenai niatnya untuk membuat peraturan-peraturan yang dicadangkan itu;
 - (b) memberikan sekurang-kurangnya tiga puluh hari dari tarikh penyiaran notis tersebut untuk membolehkan apa-apa penghujahan dibuat oleh orang awam berhubung dengan peraturan-peraturan yang dicadangkan itu; dan
 - (c) memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada apa-apa penghujahan yang dibuat.

BAHAGIAN VII

SIASATAN

Tatacara semasa siasatan

29. (1) Jika suatu pertikaian timbul antara pemegang lesen dan pengguna berhubung dengan perkara yang termasuk di bawah seksyen 13, 14 hingga 21 atau antara pemegang lesen berhubung dengan perkara selain yang berkenaan dengan Bahagian VIA, pertikaian itu boleh dirujukkan kepada Suruhanjaya.

(2A) Amalan dan tatacara yang hendak diikuti dalam menentukan apa-apa pertikaian di bawah perenggan (2)(a) bolehlah seperti apa yang didapati wajar oleh Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya hendaklah—

- (a) memutuskan pertikaian itu dan membuat suatu perintah dengan sewajarnya atau, jika pertikaian itu merupakan suatu pertikaian kontrak di bawah mana-mana terma dalam mana-mana perjanjian, boleh menentukan bahawa pertikaian itu hendaklah mengikut mana-mana peruntukan

bagi pemutusan pertikaian di bawah perjanjian itu atau diputuskan oleh mahkamah dengan sewajarnya; atau

- (b) memutuskan bahawa, dengan kelulusan Menteri, suatu jawatankuasa siasatan dibentuk untuk menyiasat pertikaian itu.

(3) Jawatankuasa penyiasatan yang disebut dalam perenggan (2)(b) hendaklah terdiri daripada tiga orang anggota yang diketuai oleh seseorang yang dilantik oleh Menteri.

(4) Bagi maksud siasatan sedemikian, jawatankuasa itu boleh memanggil mana-mana orang supaya menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa tersebut untuk memberikan keterangan dengan bersumpah atau mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain dalam miliknya yang berhubungan dengan perkara yang menjadi hal perkara siasatan sedemikian dan memeriksanya sebagai saksi.

(5) Mana-mana orang yang, di bawah subseksyen (4)—

- (a) setelah dipanggil supaya menghadiri mana-mana siasatan sedemikian, tidak berbuat demikian;
- (b) menunjukkan apa-apa perbuatan tidak hormat atau apa-apa penghinaan atau ancaman kepada jawatankuasa itu atau mana-mana anggotanya dalam sesuatu siasatan; atau
- (c) setelah dikehendaki oleh jawatankuasa itu supaya memberikan keterangan dengan bersumpah atau supaya mengemukakan apa-apa dokumen atau benda, enggan berbuat demikian atau memberikan keterangan palsu atau mengemukakan suatu dokumen atau benda yang diketahuinya adalah palsu,

melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(6) Jawatankuasa hendaklah, setelah selesai siasatan, memutuskan pertikaian itu dan membuat suatu perintah dengan sewajarnya.

(7) Sementara menanti diputuskan apa-apa pertikaian di bawah seksyen ini, pemegang lesen itu hendaklah, melainkan jika diarahkan selainnya oleh Suruhanjaya, terus menghantar atau membekal gas atau membenarkan penggunaan kemudahannya sehingga pertikaian itu diputuskan.

(8) Mana-mana orang yang terkilan dengan sesuatu keputusan Suruhanjaya di bawah subseksyen (2) atau keputusan Suruhanjaya di bawah subseksyen (6) boleh memohon kepada Menteri supaya ditimbangkan semula perkara yang dipertikaikan itu.

(9) Permohonan kepada Menteri hendaklah dibuat secara bertulis dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh keputusan Suruhanjaya, atau dalam apa-apa tempoh lanjut yang dibenarkan oleh Menteri dalam hal-hal keadaan khas, dan hendaklah mengandungi asas-asas kilanan itu.

(10) Menteri hendaklah kemudian memutuskan pertikaian itu dan membuat perintah sewajarnya dan keputusannya adalah muktamad.

BAHAGIAN VIII

KESALAHAN DAN PENALTI

Kesalahan

30. (1) Mana-mana orang yang, dengan melanggar seksyen 11, menjalankan apa-apa aktiviti peruncitan atau penggunaan gas melalui sistem perpaipan tanpa apa-apa lesen melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas sabitan, dan mana-mana sistem perpaipan atau bahagiannya

yang digunakan atau dicadangkan hendak digunakan dalam melakukan kesalahan itu boleh dilucuthakkkan.

(1A) Mana-mana orang yang, berlanggaran dengan seksyen 11, menjalankan apa-apa aktiviti pengimportan ke terminal penggasan semula, penggasan semula, pengiriman, pengangkutan atau pengagihan gas melalui talian paip tanpa apa-apa lesen melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari selama kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

(2) Bagi maksud subsekyen (1) dan (1A), mana-mana pemegang lesen yang, tanpa kebenaran nyata daripada Suruhanjaya, menjalankan aktiviti pengangkutan, pengagihan, peruncitan atau penggunaan gas atau meletakkan apa-apa talian paip atau membina apa-apa sistem perpaipan di luar kawasan pembekalan yang dinyatakan dalam lesennya hendaklah disifatkan sebagai beroperasi tanpa lesen dan melakukan kesalahan yang sewajarnya di bawah subseksyen (1) dan (1A).

(3) Mana-mana orang yang—

- (a) enggan memberi mana-mana pegawai diberi kuasa akses ke mana-mana tempat menurut kuasanya di bawah seksyen 5;
- (b) menyerang, menghalang, menggendalakan atau melengahkan mana-mana pegawai diberi kuasa dalam membuat apa-apa kemasukan yang berhak dibuatnya di bawah seksyen 5, atau dalam pelaksanaan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Akta ini;
- (c) enggan memberi mana-mana pegawai diberi kuasa (tertakluk kepada proviso dalam subseksyen 8(2)) apa-apa maklumat yang berhubungan dengan suatu kesalahan atau kesalahan yang disyaki di bawah Akta ini atau apa-apa

maklumat lain yang semunasabahnya dikehendaki daripadanya dan yang, kerana dia mengetahuinya atau ada kuasa untuk berbuat demikian, boleh diberikannya di bawah seksyen 8; atau

- (d) dengan disedarinya atau secara melulu memberikan maklumat palsu kepada seseorang orang diberi kuasa di bawah seksyen 8,

melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(4) Mana-mana pemegang lesen pengimportan ke terminal penggasan semula, pengiriman, peruncitan atau gas persendirian yang tanpa alasan yang sah gagal untuk mematuhi apa-apa terma atau syarat yang dinyatakan dalam lesen melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi seratus ribu ringgit dan didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

(4A) Mana-mana pemegang lesen penggasan semula, pengangkutan, atau pengagihan yang tanpa alasan yang sah gagal untuk mematuhi apa-apa terma atau syarat yang dinyatakan dalam lesen melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit dan didenda selanjutnya tidak melebihi lima ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

(5) Mana-mana orang yang dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang sengaja, curang atau cuai menyambung, mlaraskan, mengubah, mengalihkan, memusnahkan atau merosakkan mana-mana talian paip atau sistem perpaipan atau bahagiannya melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

(6) Mana-mana orang yang dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang curang, gopoh atau cuai mengganggu atau

merosakkan mana-mana talian paip atau sistem perpaipan atau bahagiannya sehingga menyebabkan atau mungkin menyebabkan kecederaan kepada nyawa atau tubuh manusia atau kerosakan kepada mana-mana harta melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan hendaklah juga boleh dikenakan untuk membayar pampasan bagi kerugian yang ditanggung bagi suatu amaun yang hendaklah ditetapkan oleh mahkamah di bawah seksyen 30D.

(7) Mana-mana orang yang—

- (a) menyebabkan mana-mana talian paip atau sistem perpaipan atau bahagiannya dilencongkan dari perjalanannya yang sepatutnya dengan tujuan untuk mengambil, menggunakan, memakai atau membazirkan gas darinya;
- (b) dengan curang mengubah indeks mana-mana meter atau alatan lain yang digunakan pada atau berkaitan dengan mana-mana talian paip atau sistem perpaipan atau bahagiannya kepunyaan mana-mana pemegang lesen atau mana-mana orang lain bagi merekodkan keluaran atau penggunaan gas;
- (c) menghalang mana-mana meter atau alatan lain merekodkan dengan sewajarnya keluaran atau penggunaan gas;
- (d) merosakkan mana-mana meter atau alatan lain yang digunakan pada atau berkaitan dengan mana-mana talian paip atau sistem perpaipan atau bahagiannya bagi merekodkan keluaran atau penggunaan gas; atau
- (e) dengan curang mengambil atau menggunakan atau memakai gas,

melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan hendaklah juga boleh

dikenakan untuk membayar pampasan bagi kerugian yang ditanggung bagi suatu amaun yang akan ditetapkan oleh mahkamah di bawah seksyen 30D.

(8) Tiada seorang pun boleh, tanpa kebenaran sah pemegang lesen, mengusahakan apa-apa kerja atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti berhampiran dengan mana-mana talian paip atau sistem perpaipan atau bahagiannya mengikut cara yang mungkin mengganggu talian paip atau sistem perpaipan atau bahagiannya itu atau menyebabkan bahaya kepada mana-mana orang atau harta melainkan jika pemegang lesen telah mengambil semua langkah yang munasabah untuk memberikan notis yang sepatutnya tentang kewujudan mana-mana talian paip atau sistem perpaipan atau bahagiannya dan langkah yang ditetapkan oleh Suruhanjaya bagi perlindungan talian paip atau sistem perpaipan atau bahagiannya itu.

(9) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (8) melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan hendaklah juga boleh dikenakan untuk membayar pempasan bagi kerugian yang ditanggung bagi suatu amaun yang akan ditetapkan oleh mahkamah di bawah seksyen 30D.

Pemberian maklumat

30A. (1) Mana-mana orang yang—

(a) mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa seseorang pegawai diberi kuasa sedang bertindak, atau bercadang untuk bertindak, berkaitan dengan suatu penyiasatan yang sedang, atau akan, dijalankan di bawah atau bagi maksud Bahagian ini dan menzahirkan kepada mana-mana orang lain maklumat atau apa-apa perkara lain yang mungkin akan menjelaskan penyiasatan itu atau penyiasatan yang dicadangkan itu; atau

- (b) mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa suatu penzahiran telah dibuat kepada seorang pegawai diberi kuasa di bawah Akta ini dan menzahirkan kepada mana-mana orang lain maklumat atau apa-apa perkara lain yang mungkin menjelaskan apa-apa penyiasatan yang mungkin dijalankan berikutan dengan penzahiran itu,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (i) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit, dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima juta ringgit; atau
 - (ii) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.
- (2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) menjadikan ia suatu kesalahan bagi seseorang peguam bela dan peguam cara atau pekerjanya untuk menzahirkan apa-apa maklumat atau perkara lain—

- (a) kepada pelanggannya atau wakil pelanggannya berkaitan dengan pemberian nasihat kepada pelanggan itu dalam penjalanan dan bagi maksud khidmat profesional peguam bela dan peguam cara itu; atau
- (b) kepada mana-mana orang pada menjangkakan, atau berkaitan dengan dan bagi maksud, apa-apa prosiding undang-undang.

- (3) Subseksyen (2) tidaklah terpakai berhubung dengan apa-apa maklumat atau perkara lain yang dizahirkan dengan tujuan untuk melaksanakan apa-apa maksud yang menyalahi undang-undang.
- (4) Dalam prosiding terhadap seseorang bagi suatu kesalahan di bawah seksyen ini, menjadi pembelaan jika orang itu membuktikan bahawa—

- (a) dia tidak mengetahui atau mengesyaki bahawa penzahiran yang dibuat di bawah perenggan (1)(b) berkemungkinan menjelaskan penyiasatan itu; atau
- (b) dia mempunyai kuasa yang sah atau alasan yang munasabah untuk membuat penzahiran itu.

Ancaman dan tindakan balas

30B. (1) Tiada seorang pun boleh—

- (a) memaksa atau cuba untuk memaksa mana-mana orang untuk menahan diri daripada melakukan apa-apa perbuatan yang disebut dalam subseksyen (3); atau
- (b) menjadikan mana-mana orang tertakluk kepada apa-apa keadaan merugikan dari segi komersial atau lain sebagai tindakan balas terhadap orang itu kerana melakukan apa-apa perbuatan yang disebut dalam subseksyen (3).

(2) Bagi maksud dan tanpa menjelaskan keluasan perenggan (1)(b), keadaan merugikan dari segi komersial atau lain itu boleh termasuk suatu ancaman pembayaran lewat bagi amaun yang kena dibayar dengan sewajarnya kepada orang itu, pembawaan atau penjalanan dengan tidak munasabah litigasi terhadap orang itu, pembatalan pesanan dengan orang itu, atau pengalihan perniagaan daripada, atau keengganan untuk berdagang dengan, orang itu.

(3) Perbuatan yang disebut dalam subseksyen (1) adalah seperti yang berikut:

- (a) membuat suatu aduan kepada Suruhanjaya; dan
 - (b) bekerjasama dengan, atau menawarkan atau bersetuju untuk bekerjasama dengan, Suruhanjaya berkaitan dengan apa-apa penyiasatan oleh Suruhanjaya.
- (4) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—
- (a) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit, dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima juta ringgit; atau
 - (b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau keduaduanya, dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau keduaduanya.

Kerahsiaan

30c. (1) Mana-mana orang yang menzahirkan atau menggunakan apa-apa maklumat rahsia berkenaan dengan seseorang yang tertentu, termasuklah pemegang lesen, atau hal ehwal seseorang individu yang diperoleh menurut kuasa mana-mana peruntukan Akta ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit, dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima juta ringgit; atau
- (b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan

selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau keduanya, dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau keduanya.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) boleh berkuat kuasa untuk menghalang penzahiran maklumat jika—

- (a) penzahiran itu dibuat dengan persetujuan orang yang daripadanya maklumat itu diperoleh;
- (b) penzahiran itu adalah perlu bagi pelaksanaan fungsi atau kuasa Suruhanjaya;
- (c) penzahiran itu dibuat secara munasabah semasa apa-apa prosiding di bawah Bahagian VIA atau Akta ini dengan syarat bahawa penzahiran itu tidak dibuat berlawanan dengan apa-apa arahan Suruhanjaya atau Tribunal Rayuan Persaingan Gas yang di hadapannya prosiding itu berjalan;
- (d) penzahiran itu dibuat berkaitan dengan penyiasatan terhadap suatu pelanggaran atau suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau
- (e) penzahiran itu dibuat dengan kebenaran Suruhanjaya kepada mana-mana pihak berkuasa persaingan negara lain berkaitan dengan suatu permintaan oleh pihak berkuasa persaingan negara itu untuk bantuan.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “maklumat rahsia” ertinya maklumat perdagangan, perniagaan atau perindustrian yang dipunyai oleh mana-mana orang, yang mempunyai nilai ekonomi dan tidak tersedia secara amnya kepada atau diketahui oleh orang lain.

Perintah pembayaran kos pendakwaan dan pampasan

30D. (1) Mahkamah yang di hadapannya seseorang disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini boleh, atas budi bicaranya, membuat sama ada salah satu atau kedua-dua perintah yang berikut terhadap orang itu, iaitu:

(a) suatu perintah pembayaran oleh orang itu terhadap kos pendakwaannya atau apa-apa bahagiannya yang dipersetujui oleh Pendakwa Raya;

(b) suatu perintah pembayaran oleh orang itu bagi suatu jumlah yang hendaklah ditetapkan oleh mahkamah sebagai pampasan kepada mana-mana orang yang merupakan mangsa kepada kesalahan yang dilakukan oleh orang itu berkenaan dengan kecederaan pada diri atau sifatnya, atau kehilangan pendapatan atau harta, sebagai kesan daripada kesalahan yang dilakukan.

(2) Jika seseorang yang merupakan mangsa kepada kesalahan itu telah mati, perintah pampasan hendaklah dibuat kepada wakil orang yang telah mati itu.

(3) Mahkamah hendaklah, dalam membuat perintah di bawah perenggan (1)(b), mempertimbang faktor yang berikut:

(a) jenis kesalahan;

(b) kecederaan yang dialami oleh mangsa;

(c) perbelanjaan yang ditanggung oleh mangsa;

(d) kerosakan kepada, atau kehilangan, harta yang ditanggung oleh mangsa;

(e) kehilangan pendapatan yang ditanggung oleh mangsa;

- (f) kemampuan orang yang disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini untuk membayar; dan
 - (g) apa-apa faktor lain yang difikirkan oleh mahkamah berkaitan.
- (4) Bagi maksud membuat suatu perintah di bawah perenggan (1)(b), mahkamah boleh mengadakan siasatan yang difikirkan patut oleh mahkamah.
- (5) Mahkamah hendaklah menentukan orang yang kepadanya apa-apa jumlah wang berkenaan dengan kos atau pampasan yang disebut terdahulu hendaklah kena dibayar, dan seksyen 30E, kecuali perenggan (1)(d), hendaklah terpakai bagi apa-apa perintah yang dibuat di bawah seksyen ini.
- (6) Mahkamah boleh mengarahkan suatu perintah bagi pembayaran kos atau suatu perintah bagi pembayaran pampasan, diutamakan, dan, jika tiada arahan diberikan, suatu perintah bagi pembayaran kos hendaklah diutamakan, daripada perintah bagi pembayaran pampasan.
- (7) Setakat amaun yang telah dibayar kepada seseorang, atau kepada wakil seseorang, di bawah suatu perintah bagi pampasan, apa-apa tuntutan orang itu atau wakilnya bagi kecederaan yang ditanggung oleh sebab kesalahan itu hendaklah disifatkan sebagai telah dijelaskan, tetapi perintah bagi pembayaran itu tidaklah menjelaskan apa-apa hak bagi remedi sivil untuk mendapatkan balik apa-apa harta atau bagi mendapatkan balik kerugian melebihi amaun pampasan yang dibayar di bawah perintah itu.
- (8) Tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah seksyen ini boleh dirayu.

Peruntukan mengenai wang yang boleh dibayar sebagai kos atau pampasan

30E. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini jika mana-mana orang, di bawah Akta ini, atas apa jua sebab, diperintahkan untuk membayar apa-apa jumlah wang melalui kos atau pampasan, mahkamah yang membuat perintah itu boleh, atas budi bicaranya membuat semua atau mana-mana perkara yang berikut, iaitu:

- (a) memberikan masa bagi pembayaran jumlah wang itu;
- (b) mengarahkan supaya pembayaran jumlah wang itu dibuat tidak melebihi dua belas ansuran bulanan;
- (c) mengeluarkan suatu waran untuk melevi jumlah wang itu secara distres dan jualan apa-apa harta yang dimiliki oleh orang itu;
- (d) mengarahkan bahawa apabila ingkar membayar atau sesuatu distres yang mencukupi bagi menjelaskan jumlah wang itu, maka orang itu hendaklah dipenjarakan bagi suatu tempoh yang tertentu, yang mana pemenjaraan itu hendaklah melebihi sebarang pemenjaraan yang dia boleh dihukum ke atasnya atau yang mana dia boleh dihukum di bawah hukuman pengurangan hukuman:

Dengan syarat bahawa jika masa bagi pembayaran terhadap jumlah wang itu tidak diberikan suatu perintah bagi pemenjaraan kerana ingkar membayar tidak boleh dikeluarkan dahulu melainkan jika mahkamah berpendapat orang itu tidak mempunyai harta atau harta yang tidak mencukupi untuk menyelesaikan wang yang kena dibayar atau bahawa levi distres itu akan lebih memudaratkannya atau keluarganya daripada pemenjaraan;

- (e) mengarahkan supaya orang itu diperiksa dan apa-apa wang yang dijumpai daripadanya semasa diperiksa sedemikian atau sekiranya dia dipenjarakan, boleh dijumpai

daripadanya semasa dia dibawa ke penjara hendaklah digunakan bagi pembayaran jumlah wang itu, lebihnya, jika ada, dikembalikan kepadanya:

Dengan syarat bahawa wang itu tidak boleh digunakan sedemikian jika mahkamah berpuas hati bahawa wang itu bukan dippunyai oleh orang itu yang padanya wang itu dijumpai atau kehilangan wang itu akan lebih memudaratakan keluarganya daripada pemenjaraannya.

(2) Terma yang baginya mahkamah mengarahkan supaya orang itu dihukum dengan pemenjaraan kerana ingkar membayar atau sesuatu distres yang mencukupi untuk menjelaskan apa-apa wang itu, tidak boleh melebihi skala yang berikut:

| | |
|---|------------|
| Apabila wang yang kena dibayar tidak melebihi RM500..... | Satu bulan |
| Apabila wang yang kena dibayar itu melebihi RM500 tetapi tidak melebihi RM1000..... | Dua bulan |
| Dalam apa-apa hal yang lain..... | Enam bulan |

(3) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini pemenjaraan yang dikenakan oleh mahkamah di bawah seksyen ini hendaklah tamat apabila wang itu dibayar atau dilevikan mengikut proses undang-undang.

(4) Jika sebelum tamatnya tempoh pemenjaraan itu, apa-apa bahagian wang telah dibayar atau dilevikan dan tempoh pemenjaraan, yang dijalani adalah tidak kurang daripada bahagian wang yang masih belum dibayar itu, maka hukuman pemenjaraan itu hendaklah ditamatkan.

(5) Suatu waran untuk melevi apa-apa jumlah wang boleh disempurnakan di mana-mana tempat dalam Malaysia tetapi jika

waran itu dikehendaki disempurnakan di luar Negeri tempat waran itu dikeluarkan ia hendaklah diendorskan bagi maksud itu oleh seorang Hakim atau Majistret Kelas Pertama yang mempunyai bidang kuasa dalam negeri tempat waran itu hendak disempurnakan.

Penalty am

31. Mana-mana orang yang dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya melakukan suatu kesalahan dan, jika tiada penalti diperuntukkan dengan nyata, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan berterusan, boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan: pegawai disifatkan bersalah

32. (1) Jika seseorang yang disabitkan berkenaan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya ialah suatu pertubuhan perbadanan, ia hanya boleh dikenakan apa-apa denda yang diperuntukkan dalam Akta ini atau peraturan itu.

(2) Jika seseorang yang dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya ialah suatu pertubuhan perbadanan, tiap-tiap orang yang, pada masa kesalahan itu dilakukan, ialah pengarah atau pegawai pertubuhan perbadanan itu boleh dipertuduh bersama-sama dalam prosiding yang sama dengan pertubuhan perbadanan itu, dan jika pertubuhan perbadanan itu disabitkan atas kesalahan yang dipertuduhkan, maka tiap-tiap pengarah atau pegawai sedemikian hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya atau bahawa dia

telah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

(3) Mana-mana orang yang boleh dikenakan apa-apa penalti di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya kerana apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan sekiranya perkara itu telah dilakukan atau ditinggalkan olehnya sendiri boleh dikenakan penalti yang sama jika perkara itu telah dilakukan atau ditinggalkan oleh ejennya, melainkan jika dia membuktikan bahawa dia telah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah pelakuan atau peninggalan perkara itu.

Kesalahan cubaan dan subahat

32A. (1) Jika mana-mana orang—

- (a) membantu, bersubahat, menolong, menghasut atau mendorong mana-mana orang lain untuk membuat atau membuat bagi pihak seorang yang lain suatu pernyataan, akaun, pernyataan atau perisytiharan yang tidak betul atau melakukan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta ini; atau
- (b) cuba untuk membuat atau membuat bagi pihak seorang yang lain suatu pernyataan, akaun, pernyataan atau perisytiharan yang tidak betul atau melakukan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta ini,

orang itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu di bawah Akta ini dengan syarat bahawa apa-apa tempoh pemenjaraan yang dikenakan tidak melebihi satu setengah daripada tempoh terpanjang yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

Beban pembuktian

33. Dalam mana-mana pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah seksyen 30 bukti mengenai—

- (a) kewujudan cara buatan yang, sama ada bersendirian atau bersama dengan cara buatan tambahan yang tidak dijumpai, dapat digunakan bagi mengubah, atau memudahkan pengubahan, indeks mana-mana meter atau alatan yang digunakan bagi mencatatkan kuantiti gas yang dibekalkan;
- (b) kewujudan cara buatan yang, sama ada bersendirian atau bersama dengan cara buatan tambahan yang tidak dijumpai, akan menghalang, atau memudahkan penghalangan, mana-mana meter atau alatan daripada mencatatkan dengan sewajarnya kuantiti gas yang dibekalkan, atau yang akan memudahkan pengambilan, penggunaan, atau pemakaian gas dengan curang; atau
- (c) (i) pemasangan apa-apa bahagian atau sambungan buatan, mekanik atau bahagian atau sambungan lain pada;
- (ii) ketiadaan atau pengalihan mana-mana bahagian atau sambungan daripada; atau
- (iii) gangguan kepada mana-mana bahagian atau sambungan,

mana-mana radas dalam hal keadaan yang sedemikian rupa sehingga pemasangan, ketiadaan, pengalihan atau gangguan itu akan menghalang atau memudahkan penghalangan mana-mana meter atau alatan lain daripada mencatatkan dengan sewajarnya kuantiti gas yang dibekalkan, atau akan memudahkan pengambilan, penggunaan atau pemakaian gas dengan curang,

hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bahawa telah ada pengubahan curang indeks mana-mana meter atau alatan, atau penghalangan, pengambilan, penggunaan atau pemakaian gas dengan curang, mengikut mana-mana yang berkenaan dan bahawa pengubahan, penghalangan, pengambilan, penggunaan atau

pemakaian dengan curang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, telah dijalankan oleh—

- (aa) orang yang memasang bahagian atau sambungan buatan, mekanik atau apa-apa bahagian atau sambungan lain yang disebut terdahulu;
- (bb) orang yang mengalihkan mana-mana bahagian atau sambungan sebagaimana yang disebut terdahulu;
- (cc) orang yang mengganggu mana-mana bahagian atau sambungan sebagaimana yang disebut terdahulu;
- (dd) pengguna yang menggunakan meter atau alatan itu;
- (ee) orang yang mempunyai kawalan ke atas talian paip atau sistem perpaipan atau bahagiannya di mana ia terpasang; atau
- (ff) penghuni premis yang padanya meter atau alatan itu dipasang.

Pengkompaunan

34. (1) Menteri boleh, melalui perintah dalam *Warta*, menetapkan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya sebagai kesalahan yang boleh dikompaunkan.

(2) Ketua Pegawai Eksekutif boleh, dengan kebenaran bertulis Pendakwa Raya, mengkompaunkan mana-mana kesalahan yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) dengan memungut daripada orang yang secara munasabah disyaki telah melakukan kesalahan itu sejumlah wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum bagi kesalahan itu.

(3) Semua jumlah wang yang diterima oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan.

Daftar

34A. (1) Suruhanjaya hendaklah menyenggara suatu daftar dalam kedua-dua bentuk bukan elektronik dan elektronik semua perkara yang dikehendaki untuk didaftarkan di bawah Akta ini dan di bawah mana-mana perundangan subsidiarinya.

(2) Mana-mana orang boleh apabila dibayar apa-apa fi yang ditetapkan—

(a) memeriksa daftar itu; dan

(b) membuat salinan, atau mengambil cabutan daripada, daftar itu.

(3) Jika mana-mana orang memohon supaya suatu salinan disediakan dalam bentuk elektronik, Suruhanjaya boleh memberikan maklumat yang berkaitan—

(a) pada peranti pemprosesan data; atau

(b) melalui penghantaran elektronik.

BAHAGIAN IX

AM

Orang kompeten

35. Melainkan jika dikecualikan selainnya, tiada kerja berkenaan dengan pemasangan, pembinaan, penyenggaraan, pemberian atau pengendalian mana-mana talian paip pengagihan atau sistem

perpaipan atau bahagiannya boleh dijalankan kecuali oleh atau di bawah pengawasan dan diperakui oleh seorang orang kompeten.

Pengauditan pemegang lesen, dsb.

35A. (1) Suruhanjaya boleh—

- (a) menjalankan atau menyebabkan supaya dijalankan pengauditan ke atas mana-mana pemegang lesen, institusi, pengilang atau pengimport, kontraktor gas atau mana-mana orang sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya bagi apa-apa aktiviti berlesen, apa-apa maklumat yang dikemukakan kepada Suruhanjaya atau bagi apa-apa perkara lain yang diarahkan oleh Suruhanjaya;
- (b) menghendaki pemegang lesen untuk melantik, atas kosnya sendiri, seorang pakar bebas, dengan kelayakan yang dinyatakan oleh Suruhanjaya untuk menyemak semula atau mengaudit apa-apa aktiviti berlesen, apa-apa maklumat yang dikemukakan oleh pemegang lesen kepada Suruhanjaya atau bagi apa-apa perkara lain sebagaimana yang diarahkan oleh Suruhanjaya.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), semakan semula atau pengauditan itu hendaklah dijalankan mengikut apa-apa kod, garis panduan, arahan yang dikeluarkan di bawah Akta ini, atau sebagaimana yang boleh selainnya ditentukan oleh Suruhanjaya.

(3) Seseorang pemegang lesen, institusi, pengilang atau pengimport, kontraktor gas atau mana-mana orang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya yang—

- (a) gagal untuk mengemukakan apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh Suruhanjaya;
- (b) dengan sengaja mengubah, menyekat atau memusnahkan apa-apa dokumen atau maklumat yang dia telah dikehendaki melalui notis bertulis untuk dibekalkan; atau

- (c) enggan untuk membantu atau memudahcarakan, atau menghalang Suruhanjaya, pegawai diberi kuasanya atau perunding yang dilantiknya untuk menjalankan audit itu,

di bawah seksyen ini, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit dan didenda selanjutnya tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari selama kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Kemalangan serius hendaklah dilaporkan

36. (1) Bilamana apa-apa kemalangan atau kebakaran yang menyebabkan atau mengakibatkan kehilangan nyawa atau kecederaan kepada mana-mana orang atau kerosakan serius pada harta telah berlaku berkaitan dengan mana-mana talian paip pengagihan atau peruncitan atau penggunaan gas melalui sistem perpaipan atau bahagiannya, pengguna atau pemegang lesen, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah melaporkan kemalangan atau kebakaran itu kepada Suruhanjaya dengan cara yang paling cepat yang ada, dan kemudiannya, tanpa kelengahan seboleh mungkin, hendaklah melaporkan secara bertulis fakta perkara itu setakat yang diketahui oleh mereka masing-masing.

(2) Mana-mana orang yang, tanpa alasan yang sah, melanggar atau tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Perlindungan Suruhanjaya dan pegawai diberi kuasa

37. Tiada tindakan atau pendakwaan boleh didakwa, dimulakan atau disenggara di mana-mana mahkamah terhadap Suruhanjaya atau pegawai yang dilantik atau diberi kuasa dengan sewajarnya untuk bertindak di bawah Akta ini, Presiden, anggota, Setiausaha, pegawai Tribunal Rayuan Persaingan Gas atau mana-mana orang yang diberi kuasa untuk bertindak bagi dan bagi pihak Tribunal Rayuan Persaingan Gas berkenaan dengan apa-apa juga yang dilakukan atau ditinggalkan

daripada dilakukan olehnya dengan suci hati dalam melaksanakan atau berupa sebagai melaksanakan fungsi, kuasa dan tugas di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

37A. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [Akta 198] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Suruhanjaya, Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif, mana-mana anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen Suruhanjaya, Presiden, mana-mana anggota, Setiausaha, pegawai, pekhidmat atau ejen Tribunal Rayuan Persaingan Gas berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dilakukan atau apa-apa peninggalan olehnya atau dia dengan suci hati, atas sifat yang sedemikian.

Pembangunan kod oleh Suruhanjaya dan pematuhan kod

37B. (1) Suruhanjaya boleh, dengan kelulusan Menteri, membangunkan dan mengeluarkan kod yang berhubungan dengan penggunaan terminal penggasan semula, talian paip penghantaran atau pengagihan bersama dengan kelulusan apa-apa perkiraan akses, atau bagi peruncitan atau penggunaan gas atau bagi pemeteran gas dan berkenaan dengan keselamatan dalam pengagihan, peruncitan atau penggunaan gas.

(2) Suruhanjaya boleh membangunkan dan mengeluarkan apa-apa kod tambahan yang disifatkan oleh Suruhanjaya patut dan suai manfaat atau yang diarahkan oleh Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Semua kod yang dibangunkan dan dikeluarkan di bawah seksyen ini hendaklah hanya berkuat kuasa apabila didaftarkan oleh Suruhanjaya.

- (4) Semua pemegang lesen dan mana-mana pihak lain yang telah membuat apa-apa perjanjian hendaklah mematuhi kod itu.
- (5) Melainkan jika ditentukan selainnya oleh Suruhanjaya, dalam memastikan kebolehpercayaan, keselamatan dan keterjaminan sistem penghantaran gas, kod yang dikeluarkan di bawah seksyen ini hendaklah mengatasi mana-mana perjanjian yang mungkin wujud antara pihak yang disebut dalam subseksyen (4).
- (6) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Garis panduan atau arahan oleh Suruhanjaya

- 37c.** (1) Suruhanjaya boleh mengeluarkan garis panduan atau arahan mengenai apa-apa perkara yang diperuntukkan di bawah Akta ini atau yang suai manfaat atau perlu bagi pelaksanaan peruntukan Akta ini dengan lebih baik.
- (2) Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), Suruhanjaya boleh mengeluarkan dan menyiarangkan garis panduan mengenai analisis ekonomi dan undang-undang untuk digunakan dalam menentukan kes yang berkaitan dengan persaingan termasuklah prinsip yang hendak digunakan dalam menentukan apa-apa penalti atau remedii yang dikenakan di bawah Bahagian VIA Akta ini.
- (3) Suruhanjaya boleh mengeluarkan arahan secara bertulis kepada mana-mana pemegang lesen, orang kompeten atau mana-mana orang berkenaan dengan pematuhan atau ketidakpatuhan Akta ini atau perundangan subsidiarinya, syarat-syarat lesen yang dikeluarkan, termasuklah meremedi pelanggaran syarat lesen atau mengenai apa-apa perkara lain yang menghendaki pengeluaran arahan atau secara khususnya dibuat menjadi subjek arahan mengikut apa-apa tatacara yang boleh ditetapkan.
- (4) Garis panduan atau arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini hendaklah didaftarkan dan hendaklah berkuat

kuasa dari tarikh pendaftaran itu atau apa-apa tarikh yang kemudian yang dinyatakan oleh Suruhanjaya dalam garis panduan atau arahan itu.

(5) Seseorang pemegang lesen, orang kompeten atau mana-mana orang hendaklah mematuhi garis panduan dan arahan itu.

(6) Seseorang pemegang lesen, orang kompeten atau mana-mana orang yang gagal mematuhi mana-mana garis panduan atau arahan Suruhanjaya melakukan suatu kesalahan.

Pengubahsuaian, perubahan, kajian semula atau pembatalan kod, garis panduan atau arahan oleh Suruhanjaya

37D. (1) Suruhanjaya boleh mengubah suai, mengubah, mengkaji semula atau membatalkan mana-mana kod, garis panduan atau arahan yang dikeluarkan di bawah Akta ini.

(2) Tatacara yang dinyatakan dalam subseksyen 37B(2), (3), (4) dan (5) hendaklah terpakai berkenaan dengan apa-apa pengubahsuaian, perubahan, kajian semula atau pembatalan sesuatu kod, garis panduan atau arahan.

Kuasa Suruhanjaya untuk mendapatkan maklumat

37E. (1) Suruhanjaya boleh melalui notis menghendaki mana-mana orang untuk memberikan, dalam tempoh yang munasabah yang dinyatakan dalam notis itu, semua maklumat dan dokumen yang berhubungan dengan apa-apa perkara yang semunasabahnya boleh dikehendaki oleh Suruhanjaya untuk menjalankan fungsi atau tugasnya di bawah Akta ini, yang berada dalam pengetahuan orang itu atau dalam jagaannya atau di bawah kawalannya.

(2) Mana-mana orang yang gagal tanpa apa-apa sebab yang munasabah untuk melakukan apa-apa yang dikehendaki daripadanya melalui notis di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

(3) Mana-mana orang yang—

- (a) dengan sengaja mengubah, menyekat atau memusnahkan apa-apa maklumat atau dokumen yang dia telah dikehendaki oleh mana-mana notis di bawah subseksyen (1) untuk dibekalkan; atau
- (b) dalam membekalkan apa-apa dokumen yang dikehendaki oleh mana-mana notis di bawah subseksyen (1), membuat apa-apa pernyataan yang dia ketahui adalah palsu dalam suatu perkara yang material atau secara melulu membuat apa-apa pernyataan,

melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-keduanya.

(4) Jika mana-mana orang gagal mematuhi notis di bawah subseksyen (1), mahkamah boleh, atas permohonan Suruhanjaya, membuat apa-apa perintah yang difikirkan sesuai oleh mahkamah untuk memastikan pematuhan notis itu.

(5) Mana-mana perintah yang disebut dalam subseksyen (4) boleh memperuntukkan bahawa segala kos dan perbelanjaan bagi dan yang bersampingan dengan permohonan itu hendaklah ditanggung oleh orang itu atau oleh mana-mana pegawai sesuatu syarikat atau persatuan lain yang bertanggungjawab bagi kegagalan itu.

Penzahiran maklumat yang diperoleh

37F. (1) Seksyen ini terpakai bagi—

- (a) apa-apa maklumat atau dokumen yang diberikan oleh mana-mana orang kepada Suruhanjaya di bawah Akta ini; dan

(b) apa-apa maklumat atau dokumen yang diberikan yang menurutnya orang itu yang memberikannya memberitahu Suruhanjaya secara bertulis bahawa ia adalah sulit atau bersifat sensitif secara komersial.

(2) Suruhanjaya tidak boleh menzahirkan kepada mana-mana orang maklumat atau kandungan sesuatu dokumen yang baginya seksyen ini terpakai melainkan jika—

(a) Suruhanjaya berpendapat bahawa—

(i) penzahiran maklumat atau kandungan dokumen itu tidak akan menyebabkan kemudaratan kepada orang yang membekalkannya atau kepada mana-mana orang lain yang tahu mengenai maklumat atau dokumen itu; atau

(ii) walaupun penzahiran maklumat atau kandungan dokumen itu akan menyebabkan kemudaratan kepada orang yang membekalkannya atau kepada mana-mana orang lain yang menyedari tentang maklumat atau kandungan dokumen itu, manfaat awam dalam menzahirkannya mengatasi kemudaratan itu;

(b) Suruhanjaya memberikan notis bertulis kepada—

(i) orang yang telah membekalkan maklumat atau dokumen itu; dan

(ii) mana-mana orang lain yang Suruhanjaya menyedari telah membekalkan maklumat atau dokumen itu kepada orang yang disebut dalam subperenggan (i), yang identiti orang lain itu diketahui oleh Suruhanjaya, yang menyatakan bahawa Suruhanjaya berhasrat untuk mendedahkan maklumat atau kandungan dokumen itu, dengan menyatakan jenis penzahiran yang dihasratkan dan sebab-sebab terperinci mengapa Suruhanjaya

berhasrat untuk membuat penzahiran itu dan menyatakan suatu salinan seksyen ini; dan

- (c) tiada rayuan dibuat kepada Menteri di bawah subseksyen (3) dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh pemberian notis tersebut.

(3) Seseorang yang terkilan dengan suatu notis di bawah perenggan (2)(b) boleh merayu kepada Menteri dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh notis itu.

(4) Subseksyen (2) tidaklah menghalang Suruhanjaya daripada menzahirkan apa-apa maklumat atau kandungan apa-apa dokumen—

- (a) kepada mana-mana anggota, pegawai atau pekerja Suruhanjaya atau mana-mana ejen, perunding, jawatankuasa atau panel yang bertindak bagi pihak atau di bawah arahan Suruhanjaya;

- (b) kepada Menteri atau mana-mana ejen, perunding, jawatankuasa atau panel yang bertindak bagi pihak atau di bawah arahan Menteri;

- (c) apabila dikehendaki untuk berbuat demikian oleh mana-mana mahkamah atau di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain; atau

- (d) bagi maksud apa-apa prosiding jenayah.

(5) Bagi maksud seksyen ini, penzahiran apa-apa maklumat atau kandungan sesuatu dokumen yang sedia ada dalam domain awam pada masa Suruhanjaya berhasrat untuk menzahirkannya tidak boleh menyebabkan kemudaratkan kepada mana-mana orang yang disebut dalam perenggan (2)(a).

Keselamatan maklumat infrastruktur pemegang lesen

37G. (1) Mana-mana pemegang lesen yang diarahkan oleh Suruhanjaya hendaklah bertanggungjawab memelihara kerahsiaan, integriti dan ketersediaan maklumat pemegang lesen, sistem maklumat dan infrastruktur rangkaian sokongan berkaitan dengan aktivitinya yang dilesenkan, tugas dan apa-apa perkara lain yang diperuntukkan di bawah Akta ini.

(2) Pemegang lesen hendaklah—

- (a) mengambil langkah-langkah yang perlu, mewujudkan dan melaksanakan standard dan menggunakan kawalan jaminan maklumat yang berkaitan untuk menghalang, mengelakkan, meremedikan, mendapatkan kembali atau meletakkan semula maklumat, dokumen, instrumen atau rekodnya yang disimpan dalam komputernya dan bagi sistem pengendalian komputernya daripada apa-apa risiko—
 - (i) ancaman atau akses tanpa kebenaran; dan
 - (ii) gangguan atau penyingkiran;
- (b) mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan ketahanan infrastruktur rangkaian sokongannya untuk meminimakan impak perniagaan terhadap pelbagai ancaman kepada aktivitinya yang dilesenkan; dan
- (c) memastikan bahawa kebolehpercayaan, keberterusan dan kualiti sistem penghantaran gas, pelaksanaan kewajipannya dan kepatuhan kepada peruntukan Akta ini dan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya tidak terjejas,

dan hendaklah melaporkan kepada Suruhanjaya dalam masa yang dinyatakan oleh Suruhanjaya, dan sekiranya berlaku apa-apa kejadian yang mengganggu atau menjaskan prestasi aktiviti yang dilesenkan, melaporkan kejadian itu dengan segera kepada Suruhanjaya dan pihak berkuasa lain yang berkaitan.

(3) Mana-mana pemegang lesen yang gagal mematuhi, mengabaikan untuk mematuhi atau melanggar mana-mana peruntukan seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(4) Bagi maksud seksyen ini—

“infrastruktur rangkaian sokongan” merujuk kepada sambungan yang berkaitan, peranti rangkaian, perkakasan dan perisian yang menyediakan perkhidmatan rangkaian dalam menyokong fungsi perniagaan;

“kawalan jaminan maklumat” merujuk kepada cara pengurusan risiko, termasuklah dasar, tatacara, garis panduan, amalan atau struktur organisasi, yang boleh dari jenis pentadbiran, teknikal, pengurusan atau perundangan;

“ketahanan” ertinya keupayaan sesuatu organisasi untuk menahan daripada terjejas oleh sesuatu kejadian.

Kuasa khas semasa darurat

38. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, apabila berlaku apa-apa kerusuhan perindustrian, mogok, sekat masuk atau apa-apa kejadian lain yang membangkitkan suatu darurat, atau demi kepentingan keselamatan awam, memberi kuasa Suruhanjaya untuk—

(a) menggantung lesen mana-mana pemegang lesen, mengambil milik sementara mana-mana talian paip atau sistem perpaipan pemegang lesen itu dan mengendalikannya mengikut cara yang difikirkan oleh Suruhanjaya patut; atau

(b) menarik balik sama ada pada sebahagiannya atau keseluruhannya penggunaan mana-mana talian paip atau

sistem perpaipan daripada mana-mana orang atau golongan orang atau daripada orang awam pada umumnya.

(2) Jika apa-apa keraguan berbangkit tentang kewujudan sesuatu darurat atau sama ada apa-apa tindakan yang dilakukan di bawah subseksyen (1) adalah bagi kepentingan keselamatan awam, maka suatu perakuan yang ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong dan dipamerkan di mana-mana tempat yang difikirkan patut oleh Menteri hendaklah menjadi bukti konklusif mengenai perkara itu.

(3) Jika Suruhanjaya mengambil milik mana-mana talian paip atau sistem perpaipan mana-mana pemegang lesen di bawah perenggan (1)(a) pemegang lesen itu hendaklah dibayar pampasan yang mencukupi yang hendaklah ditentukan oleh Suruhanjaya selepas memberi pemegang lesen itu peluang untuk didengar mengenai perkara itu.

BAHAGIAN X

KUASA UNTUK MEMBUAT PERATURAN

Kuasa untuk membuat peraturan

39. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan mana-mana perkara yang boleh ditetapkan di bawah Akta ini dan khususnya—

- (a) tatacara bagi Suruhanjaya dalam menjalankan fungsi, kewajipan dan kuasanya di bawah Akta ini;
- (b) had perubahan kualiti gas dalam sistem penghantaran gas dan tekanan gas yang dihantar yang melibatkan pengagihan, peruncitan atau penggunaan gas;
- (c) pengurusan mana-mana talian paip atau sistem perpaipan di bawah seksyen 11;

- (d) cara bagaimana gas boleh disimpan bagi maksud pengagihan melalui talian paip;
- (e) fi yang kena dibayar bagi lesen yang dikehendaki supaya ditetapkan di bawah Akta ini;
- (f) langkah-langkah yang hendak diambil dan pengawalseliaan kelengkapan, perkakas dan gegasan berserta bayaran fi bagi kelulusannya, untuk dibekalkan dan digunakan berkaitan dengan talian paip pengagihan dan sistem perpaipan dalam peruncitan atau penggunaan gas untuk menjamin keselamatan awam dan persendirian;
- (fa) pengawalseliaan meter berserta bayaran fi bagi kelulusannya, untuk dibekalkan dan digunakan berkaitan dengan talian paip dan sistem perpaipan berkenaan dengan tujuan pengawalseliaan ekonomi;
- (g) cara penyampaian dan bentuk notis;
- (h) standard dan cara-cara bagi pembinaan dan bahan-bahan yang dikehendaki digunakan bagi talian paip, sistem perpaipan, kelengkapan, atau perkakas yang terlibat dalam pengagihan, peruncitan atau penggunaan gas melalui sistem perpaipan;
- (i) jenis latihan, peperiksaan dan ujian bagi pengawardan perakuan di bawah seksyen 35, bentuk perakuan itu, cara pengeluarannya dan pengeluarannya, fi yang kena dibayar bagi peperiksaan dan perakuan itu dan cara dan hal keadaan dalam mana perakuan itu boleh diubahsuaikan, digantung atau dibatalkan;
- (j) cara-cara yang hendaklah diterima pakai, sama ada melalui tegahan atau selainnya, untuk mencegah atau memberhentikan apa-apa kacau ganggu yang mungkin berbangkit atau yang berbangkit daripada pengeraan

mana-mana talian paip, sistem perpaipan, kelengkapan atau perkakas;

- (k) pengawalseliaan hubungan di antara pemegang lesen dengan pengguna, seperti peruntukan-peruntukan mengenai pendapatan faedah tahunan yang kena dibayar oleh seseorang pemegang lesen kepada mana-mana orang bagi apa-apa cagaran yang diberikan dan apa-apa kadar atau syarat yang berkaitan dengannya, penyambungan, pemberhentian atau pemulihan bekalan gas oleh pemegang lesen, kemasukan ke dalam mana-mana premis oleh pemegang lesen atau pegawai diberi kuasanya bagi maksud yang berhubungan dengan pembekalan, penyambungan, pemberhentian atau pemulihan bekalan, kemasukan bagi maksud menggantikan, membaiki atau mengubah mana-mana talian paip, sistem perpaipan, kelengkapan atau perkakas dan bentuk mana-mana notis yang dikehendaki;
- (l) cara dan tatacara bagi mengkompaunkan kesalahan yang dinyatakan dalam seksyen 34;
- (m) cara dan tatacara bagi penyiasatan apa-apa kemalangan serius yang dilaporkan menurut seksyen 36;
- (n) lat tempoh, masa dan cara bagi pemeriksaan mana-mana paip atau sistem perpaipan, notis (jika ada) yang dikehendaki diberikan berhubungan dengan mana-mana pemeriksaan dan persiapan yang dikehendaki supaya dibuat oleh pemegang lesen atau mana-mana pemunya atau penghuni mana-mana premis bagi pemeriksaan sedemikian;
- (na) pendaftaran dan klasifikasi orang kompeten dan kontraktor yang terlibat dalam pengagihan, peruncitan atau penggunaan gas dan untuk menetapkan fi bagi pendaftaran itu;
- (o) fi yang kena dibayar berkenaan dengan pemeriksaan dan pengujian pepasangan yang terlibat dalam pengagihan,

peruncitan atau penggunaan gas dan berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan yang diberikan dengan sewajarnya kepada pengguna;

- (oa) fi yang kena dibayar berkenaan dengan pemeriksaan daftar atau bagi cabutan salinan dokumen yang disimpan dalam daftar tersebut; dan
- (p) apa-apa perkara lain pada amnya untuk memberikan kuat kuasa kepada peruntukan-peruntukan Akta ini.

BAHAGIAN XI

PELBAGAI

Seksyen tertentu Akta tidak terpakai bagi kilang

40. Dalam Akta ini, seksyen 5, 35 dan 36 dan perkara yang berhubungan dengan perenggan 39(c), 39(d), 39(f), 39(i), 39(j), 39(m) dan 39(n) tidaklah terpakai bagi penghantaran gas melalui talian paip di dalam kilang-kilang sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 [*Akta 139*].

Peruntukan yang bertentangan

41. Walau apa pun mana-mana peruntukan yang bertentangan dalam Akta Kemajuan Petroleum 1974 [*Akta 144*], Akta Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan) 1984 [*Akta 302*] atau Akta Kilang dan Jentera 1967 yang berhubungan dengan penghantaran gas melalui talian paip pengagihan atau sistem perpaipan, peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah mengatasi setakat ketidakkonsistenan itu.

Pengecualian

42. Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengecualikan—

- (a) mana-mana orang atau golongan orang daripada—
 - (i) dilesenkan di bawah seksyen 11 Akta ini; dan/atau
 - (ii) seksyen 35 Akta ini,

dan boleh, melalui pemberitahuan yang serupa, membatalkan mana-mana pengecualian yang diberitahukan sedemikian.

***Peruntukan peralihan dan kecualian**

43. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), mana-mana orang yang, sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini, telah membekalkan gas melalui talian paip di dalam mana-mana premis boleh terus berbuat demikian dalam tempoh enam bulan dari tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini:

Dengan syarat bahawa dalam tempoh itu orang itu hendaklah membuat permohonan bagi mendapatkan lesen atau pengecualian daripada dikehendaki memegang lesen di bawah Akta ini:

Dengan syarat selanjutnya bahawa jika orang itu sudah pun membuat permohonan dia boleh terus membekalkan gas melalui talian paip di dalam premis yang sama sehingga permohonannya diselesaikan, ditarik balik, dibenarkan atau dikecualikan di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana talian paip atau sistem perpaipan atau bahagiannya di mana-mana premis yang disebut dalam subseksyen (1) boleh terus dipakai bagi maksud itu sehingga masa diputuskan oleh Suruhanjaya

*CATATAN—lihat seksyen 46 Akta Bekalan Gas (Pindaan) 2016 [Akta A1515] m.b.p. 16 Januari 2017 kecuali seksyen 4A m.b.p. 9 September 2016.

atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa olehnya bahawa pemakaian itu hendaklah diberhentikan.

JADUAL PERTAMA

[Subseksyen 24(2)]

MALAYSIA

NEGERI.....

AKTA BEKALAN GAS 1993

*NOTIS CADANGAN UNTUK MEMASUKI DAN MELAKUKAN
KERJA DI TANAH DI BAWAH SEKSYEN 24*

Kepada:

Hakmilik atau perihal lain tanah.....

Sila ambil perhatian bahawa saya/kami yang beralamat di iaitu pemegang lesen yang bertarikh di bawah Akta Bekalan Gas 1993 berhasrat memasuki tanah yang tersebut di atas bagi maksud

.....
*(di sini nyatakan dengan sepenuh dan setepat mungkin apa yang dicadangkan
hendak dilakukan)*

Dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan notis ini anda boleh menyerahkan suatu bantahan sama ada secara lisan atau bertulis kepada Pentadbir Tanah Daerah di

Pentadbir Tanah Daerah telah menetapkan sebagai hari bantahan itu akan didengar.

Melainkan jika anda menyerahkan suatu bantahan dalam masa yang dinyatakan, akan dianggapkan bahawa anda telah mengizinkan kemasukan saya/kami ke tanah itu mengikut terma-terma notis ini.

Anda akan dibayar pampasan yang sepatutnya bagi apa-apa kerosakan yang dilakukan.

Bertarikh pada haribulan 19.....

.....
Pemegang lesen

JADUAL KEDUA

[Subseksyen 24(7)]

MALAYSIA

NEGERI.....

AKTA BEKALAN GAS 1993

**PERINTAH PENTADBIR TANAH DAERAH BERKENAAN DENGAN BANTAHAN
TERHADAP KEMASUKAN KE TANAH**

Kepada:

Dalam perkara siasatan yang diadakan di bawah subseksyen 24(6) Akta Bekalan Gas 1993 di antara pemegang lesen dengan pemunya tanah yang terletak di Lot No Hakmilik No Mukim

Suatu siasatan telah diadakan pada.....di hadapan Pentadbir Tanah Daerah dengan dihadiri oleh bagi pihak pemegang lesen dan bagi pihak pemunya tanah.

Selepas mengadakan siasatan, adalah dengan ini diperintahkan seperti yang berikut:

- *(a) pemegang lesen dibenarkan memasuki tanah yang tersebut untuk melakukan kerja-kerja sebagaimana yang dinyatakan dalam notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen 24(2) Akta Bekalan Gas 1993;
- *(b) pemegang lesen dibenarkan memasuki tanah yang tersebut untuk melakukan kerja-kerja sebagaimana yang dinyatakan dalam notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen 24(2) Akta Bekalan Gas 1993 tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- (i)
 - (ii)
 - (iii)
 - (iv)
- (Nyatakan syarat-syarat)

*(c) pemegang lesen tidak dibenarkan memasuki tanah tersebut untuk melakukan kerja-kerja yang dinyatakan dalam notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen 24(2) Akta Bekalan Gas 1993.

Bertarikh pada haribulan 19.....

.....
Pentadbir Tanah Daerah

.....

*potong mana-mana yang tidak berkenaan

JADUAL KETIGA

[Subseksyen 28(1)]

MALAYSIA

NEGERI.....

AKTA BEKALAN GAS 1993

TAKSIRAN

Kepada:

Dalam perkara siasatan baig pembayaran pampasan di bawah seksyen 23*, 24* atau 25* Akta Bekalan Gas 1993 di antara pemegang lesen dengan pemunya tanah yang terletak di Lot No. Hakmilik No., Mukim

Suatu siasatan telah diadakan pada di hadapan Pentadbir Tanah Daerah dengan dihadiri oleh bagi pihak pemegang lesen dan bagi pihak pemunya tanah.

Selepas mengadakan siasatan, adalah dengan ini diperintahkan bahawa pampasan yang kena dibayar oleh pemegang lesen kepada pemunya tanah adalah seperti yang berikut:

Bertarikh pada haribulan 19.....

.....
Pentadbir Tanah Daerah

*potong mana-mana yang tidak berkenaan

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 501

AKTA BEKALAN GAS 1993

SENARAI PINDAAN

| Undang-undang yang meminda | Tajuk ringkas | Berkuat kuasa dari |
|-------------------------------|------------------------------------|---|
| Akta A1126 | Akta Bekalan Gas (Pindaan) 2001 | 02-01-2002 |
| Akta A1515 | Akta Bekalan Gas (Pindaan) 2016 | 16-01-2017 kecuali seksyen 4A 09-09-2016 |

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 501

AKTA BEKALAN GAS 1993

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|---------------|--------------------------|--------------------------|
| Tajuk panjang | Akta A1126 Akta A1515 | 02-01-2002 16-01-2017 |
| 1 | Akta A1126 Akta A1515 | 02-01-2002 16-01-2017 |
| 1A | Akta A1515 | 16-01-2017 |
| 2 | Akta A1126 Akta A1515 | 02-01-2002 16-01-2017 |
| Bahagian II | Akta A1126 | 02-01-2002 |
| Bahagian III | Akta A1126 | 02-01-2002 |
| 4 | Akta A1126 Akta A1515 | 02-01-2002 16-01-2017 |
| 4A | Akta A1126 Akta A1515 | 02-01-2002 09-09-2016 |
| 5-6 | Akta A1515 | 16-01-2017 |
| 7 | Akta A1515 | 16-01-2017 |
| 9 | Akta A1126 | 02-01-2002 |
| 11 | Akta A1126 Akta A1515 | 02-01-2002 16-01-2017 |

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|----------------------|--------------------------|--------------------------|
| 12 | Akta A1126 Akta A1515 | 02-01-2002 16-01-2017 |
| 13 | Akta A1126 Akta A1515 | 02-01-2002 16-01-2017 |
| 13A-D | Akta A1515 | 16-01-2017 |
| 14 | Akta A1515 | 16-01-2017 |
| 15 | Akta A1126 Akta A1515 | 02-01-2002 16-01-2017 |
| 16 | Akta A1126 Akta A1515 | 02-01-2002 16-01-2017 |
| 17 | Akta A1515 | 16-01-2017 |
| 17 A | Akta A1126 | 02-01-2002 |
| 18 | Akta A1126 Akta A1515 | 02-01-2002 16-01-2017 |
| 19 | Akta A1126 Akta A1515 | 02-01-2002 16-01-2017 |
| 20 | Akta A1515 | 16-01-2017 |
| 21 | Akta A1126 Akta A1515 | 02-01-2002 16-01-2017 |
| 23 -28 | Akta A1515 | 16-01-2017 |
| Bahagian Baru VIA | Akta A1515 | 16-01-2017 |
| 28A - 28Z | Akta A1515 | 16-01-2017 |
| 28AA -28AF | Akta A1515 | 16-01-2017 |
| 29 | Akta A1126 Akta A1515 | 02-01-2002 16-01-2017 |

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|-----------|--------------------------|--------------------------|
| 30 | Akta A1126 Akta A1515 | 02-01-2002 16-01-2017 |
| 30A – 30E | Akta A1515 | 16-01-2017 |
| 31 | Akta A1515 | 16-01-2017 |
| 32A | Akta A1515 | 16-01-2017 |
| 34 | Akta A1126 Akta A1515 | 02-01-2002 16-01-2017 |
| 34A | Akta A1515 | 16-01-2017 |
| 35 | Akta A1515 | 16-01-2017 |
| 35A | Akta A1515 | 16-01-2017 |
| 36 | Akta A1126 Akta A1515 | 02-01-2002 16-01-2017 |
| 37 | Akta A1126 Akta A1515 | 02-01-2002 16-01-2017 |
| 37A – 37G | Akta A1515 | 16-01-2017 |
| 38 | Akta A1126 | 02-01-2002 |
| 39 | Akta A1126 Akta A1515 | 02-01-2002 16-01-2017 |
| 40 - 41 | Akta A1515 | 16-01-2017 |
| 43 | Akta A1126 | 02-01-2002 |
